




LAPORAN TAHUNAN ANNUAL REPORT 2008



JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
FORESTRY DEPARTMENT PENINSULAR MALAYSIA
MINISTRY OF NATURAL RESOURCES AND ENVIRONMENT



KANDUNGAN

CONTENTS

PERSPEKTIF JABATAN <i>DEPARTMENT'S PERSPECTIVES</i>	03	21	CARTA ORGANISASI <i>ORGANISATION CHART</i>
WAWASAN <i>VISION</i>	04	22	ORGANISASI <i>ORGANISATION</i>
MISI <i>MISSION</i>	04	39	PETUNJUK PRESTASI UTAMA <i>JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA</i> <i>KEY PERFORMANCE INDICATORS</i> <i>FORESTRY DEPARTMENT PENINSULAR MALAYSIA</i>
OBJEKTIF <i>OBJECTIVES</i>	05	43	PERUNTUKAN PERLEMBAGAAN, DASAR DAN UNDANG-UNDANG <i>CONSTITUTIONAL PROVISIONS, POLICY AND LEGISLATIONS</i>
PIAGAM PELANGGAN IBU PEJABAT PERHUTANAN <i>SEMENANJUNG MALAYSIA</i> <i>CLIENT'S CHARTER FORESTRY DEPARTMENT HEADQUARTERS</i> <i>PENINSULAR MALAYSIA</i>	06	45	KEMAJUAN DALAM TAHUN 2008 <i>YEAR UNDER REVIEW 2008</i>
PIAGAM PELANGGAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI <i>SEMENANJUNG MALAYSIA</i> <i>CLIENT'S CHARTER STATE FORESTRY DEPARTMENT</i> <i>PENINSULAR MALAYSIA</i>	07	53	ARTIKEL <i>ARTICLES</i>
PENGURUSAN / PENTADBIRAN <i>MANAGEMENT / ADMINISTRATION</i>	08	54	ARTIKEL 1 : KEMPEN KESEDARAN PEMULIHARAAN HUTAN <i>PESISIRAN PANTAI NEGARA 2008</i> <i>ARTICLE 1 : AWARENESS CAMPAIGN ON FOREST</i> <i>CONSERVATION OF THE NATIONAL COASTLINE 2008</i>
PERUTUSAN KETUA PENGARAH <i>DIRECTOR GENERAL'S MESSAGE</i>	09	57	ARTIKEL 2 : SEMINAR PERLADANGAN HUTAN GETAH <i>KEBANGSAAN 2008 : SUMBER PENTING BEKALAN KAYU-KAYAN</i> <i>MASA HADAPAN PADA 13 DAN 14 NOVEMBER 2008 DI HOTEL BEST</i> <i>WESTERN PREMIER SERI PACIFIC, KUALA LUMPUR</i> <i>ARTICLE 2 : NATIONAL RUBBER FOREST PLANTATION SEMINAR</i> <i>2008 : IMPORTANT TIMBER SOURCE OF THE FUTURE ON 13 AND 14</i> <i>NOVEMBER, 2008 AT HOTEL BEST WESTERN PREMIER SERI PACIFIC,</i> <i>KUALA LUMPUR</i>
FUNGSI DIREKTORAT <i>FUNCTIONS OF THE DIRECTORATE</i>	13	61	ARTIKEL 3 : PENEMUAN-PENEMUAN SIGNIFIKAN EKSPEDISI <i>SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN</i> <i>ARTICLE 3 : SIGNIFICANT FINDINGS OF FOREST BIODIVERSITY</i> <i>SCIENTIFIC EXPEDITIONS</i>
AHLI-AHLI DIREKTORAT <i>MEMBERS OF THE DIRECTORATE</i>	15	65	ARTIKEL 4 : LAWATAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN <i>SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR KE TAMAN NEGERI ROYAL</i> <i>BELUM, PERAK PADA 16 DAN 17 NOVEMBER 2008</i> <i>ARTICLE 4 : VISIT BY CHIEF SECRETARY, MINISTRY OF NATURAL</i> <i>RESOURCES AND ENVIRONMENT TO ROYAL BELUM STATE PARK ON</i> <i>16 AND 17 NOVEMBER 2008</i>
PENGARAH-PENGARAH UNIT DI IBU PEJABAT PERHUTANAN <i>UNIT DIRECTORS AT THE FORESTRY DEPARTMENT HEADQUARTERS</i>	16		
PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI <i>STATE DIRECTORS OF FORESTRY</i>	17		
PENGANUGERAHAN <i>AWARDS</i>	18		



Rasional Muka Depan / *Rational of Cover*

Atas kiri / Top left

Bunga *Uvaria grandiflora* (Annonacea) ditemui di Hutan Negeri Melaka
Discovery of *Uvaria grandiflora* flower (Annonacea) in Malacca State Forest

Tengah kiri / Middle Left

Pameran Perhutanan sempena Seminar Perladangan Hutan Getah Kebangsaan 2008
Forestry Exhibition in conjunction with the National Rubber Forest Plantation Seminar 2008

Bawah kiri / Bottom Left

Kelonsang Propagul *Rhizophora apiculata*
Propagule *Rhizophora apiculata*

Atas kanan / Top right

Perasmian Kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai Negara 2008
Launching of the Awareness Campaign on Forest Conservation of National Coastline 2008

Bawah kanan / Bottom right

Perladangan Hutan Getah
Rubber Forest Plantation

Tengah / Center

Lawatan Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar Ke Royal Belum, Perak
Visit by the Chief Secretary Of The Ministry Of Natural Resources And Environment to Royal Belum, Perak



KANDUNGAN

CONTENTS

PROFIL PERHUTANAN NEGERI <i>STATE FORESTRY PROFILE</i>	69	JADUAL 10 : PENGELUARAN KAYU BALAK MENGIKUT SPESES, SEMENANJUNG MALAYSIA, 2008 <i>TABLE 10 : LOG PRODUCTION BY SPECIES,</i> <i>PENINSULAR MALAYSIA, 2008</i>	100
PERISTIWA DALAM TAHUN 2008 <i>EVENTS IN 2008</i>	82	JADUAL 11 : HARGA PURATA TEMPATAN (DIKILANG) KAYU BALAK MENGIKUT SPESES, SEMENANJUNG MALAYSIA, 2008 <i>TABLE 11 : AVERAGE DOMESTIC LOG PRICE (EX-MILL) BY</i> <i>SPECIES, PENINSULAR MALAYSIA, 2008</i>	103
JADUAL <i>TABLES</i>	90	JADUAL 12 : GUNATENAGA DALAM JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA, 2008 <i>TABLE 12 : EMPLOYMENT OF THE FORESTRY DEPARTMENT</i> <i>PENINSULAR MALAYSIA, 2008</i>	104
JADUAL 1 : TANAH BERHUTAN DAN TIDAK BERHUTAN, SEMENANJUNG MALAYSIA, 2008 <i>TABLE 1: FORESTED AND NON-FORESTED LAND,</i> <i>PENINSULAR MALAYSIA, 2008</i>	91	LAMPIRAN <i>APPENDICES</i>	108
JADUAL 2 : KELUASAN HUTAN SIMPANAN KEKAL MENGIKUT JENIS-JENIS HUTAN, SEMENANJUNG MALAYSIA, 2008 <i>TABLE 2 : PERMANENT RESERVED FOREST BY FOREST TYPES,</i> <i>PENINSULAR MALAYSIA, 2008</i>	92	LAMPIRAN A / APPENDIX A: KENAIKAN PANGKAT / PERLANTIKAN BARU KAKITANGAN, 2008 <i>PROMOTION / NEW APPOINTMENT OF STAFF, 2008</i>	109
JADUAL 3 : KELUASAN HUTAN YANG DILESENKAN UNTUK PENGUSAHASILAN, SEMENANJUNG MALAYSIA, 2008 <i>TABLE 3 : FOREST AREA LICENSED FOR HARVESTING,</i> <i>PENINSULAR MALAYSIA, 2008</i>	93	LAMPIRAN B / APPENDIX B : SENARAI KAKITANGAN YANG BERTUKAR / BERSARA MENINGGALKAN JAWATAN, 2008 <i>LIST OF STAFFS THAT TRANSFERED / RETIRED / RESIGNED, 2008</i>	112
JADUAL 4 : PENGGUNAAN KAYU BALAK DAN KAYU GERGAJI OLEH INDUSTRI BERASAS KAYU TERPILIH, SEMENANJUNG MALAYSIA, 2008 <i>TABLE 4 : CONSUMPTION OF LOGS AND SAWNTIMBER BY</i> <i>SELECTED WOOD-BASED INDUSTRIES,</i> <i>PENINSULAR MALAYSIA, 2008</i>	94	LAMPIRAN C / APPENDIX C : SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG, 2007, IBU PEJABAT PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA <i>LIST OF RECIPIENTS OF EXCELLENT SERVICE AWARDS, 2007</i> <i>FORESTRY DEPARTMENT HEADQUARTERS PENINSULAR</i> <i>MALAYSIA</i>	124
JADUAL 5 : KUTIPAN HASIL HUTAN, SEMENANJUNG MALAYSIA, 2008 <i>TABLE 5 : FOREST REVENUE COLLECTION,</i> <i>PENINSULAR MALAYSIA, 2008</i>	95	LAMPIRAN D / APPENDIX D : SENARAI PEGAWAI YANG TELAH MENGHADIRI KURSUS / SEMINAR / BENGKEL / PERSIDANGAN / LAWATAN RASMI / MESYUARAT LUAR NEGERI, 2008 <i>LIST OF OFFICER WHO HAD ATTENDED COURSES / SEMINARS /</i> <i>WORKSHOPS / CONFERENCES / OFFICIALS VISITS / MEETINGS</i> <i>OVERSEAS, 2008</i>	125
JADUAL 6 : PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN HUTAN, SEMENANJUNG MALAYSIA, 2008 <i>TABLE 6 : FOREST OPERATING AND DEVELOPMENT</i> <i>EXPENDITURE, PENINSULAR MALAYSIA, 2008</i>	96	LAMPIRAN E / APPENDIX E: SENARAI PEGAWAI KANAN DAN KUMPULAN SOKONGAN DALAM JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA PADA 31 DISEMBER, 2008 <i>LIST OF SENIOR OFFICERS AND SUPPORTING GROUPS IN THE</i> <i>FORESTRY DEPARTMENT PENINSULAR MALAYSIA AS AT</i> <i>31 DECEMBER, 2008</i>	128
JADUAL 7 : PENGELUARAN INDUSTRI BERASAS KAYU TERPILIH, SEMENANJUNG MALAYSIA, 2008 <i>TABLE 7 : PRODUCTION OF SELECTED WOOD-BASED</i> <i>INDUSTRIES, PENINSULAR MALAYSIA, 2008</i>	97	LAMPIRAN F / APPENDIX F : NAMA, ALAMAT PEJABAT-PEJABAT PERHUTANAN DAN AGENSI-AGENSI PERHUTANAN <i>NAME, ADDRESSES OF FORESTRY OFFICES AND AGENCIES</i>	142
JADUAL 8 : BILANGAN KILANG DALAM INDUSTRI BERASAS KAYU TERPILIH, SEMENANJUNG MALAYSIA, 2008 <i>TABLE 8 : NUMBER OF MILLS OF SELECTED WOOD-BASED</i> <i>INDUSTRIES, PENINSULAR MALAYSIA, 2008</i>	98		
JADUAL 9 : GUNATENAGA DALAM INDUSTRI PEMBALAKAN DAN INDUSTRI BERASAS KAYU TERPILIH, SEMENANJUNG MALAYSIA, 2008 <i>TABLE 9 : EMPLOYMENT IN THE LOGGING AND SELECTED</i> <i>WOOD-BASED INDUSTRIES, PENINSULAR MALAYSIA, 2008</i>	99		

Wawasan

Menjadi Agensi Terunggul Dalam
Pengurusan Hutan Tropika Secara
Berkekalan

Vision

*To Be The Agency Of Excellence In The
Sustainable Management Of Tropical
Forest*

Misi

Untuk Mengurus Dan Membangunkan
Sumber Hutan Secara Berkekalan Serta
Mengoptimumkan Sumbangannya Kepada
Pembangunan Sosio-ekonomi Negara

Mission

*To Sustainably Manage And Develop The
Forest Resources And Optimize Their
Contributions To National Socio-economic
Development*



Objektif

Untuk menguruskan sumber hutan negara secara berkekalan bagi pengeluaran berterusan hasil dan perkhidmatan hutan serta penggunaannya secara optimum bersesuaian dengan keperluan alam sekitar.

Untuk meningkatkan bekalan pengeluaran hasil dan perkhidmatan hutan melalui aktiviti-aktiviti perhutanan bersesuaian yang akan meningkatkan kualiti, produktiviti serta penggunaan sumber hutan.

Untuk terus membangunkan teknologi mantap yang bersesuaian dengan keperluan alam sekitar bagi pemeliharaan, pengurusan dan penggunaan sumber hutan.

Untuk memelihara dan melindungi kepelbagaian biologi hutan, air serta tanah, dan penggunaannya secara berkekalan.

Untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan kilang-kilang pemprosesan berasaskan keluaran hutan serta menambahkan aktiviti-aktiviti hiliran dengan nilai tambah yang tinggi.

Untuk memperkukuhkan pembangunan sumber manusia bagi menyokong sektor perhutanan.

Untuk meningkatkan kesedaran awam berhubung peranan hutan terhadap alam sekitar dan pemeliharaan melalui pembelajaran serta penyebaran maklumat.

Untuk meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada pendapatan negara, pertukaran wang asing dan peluang-peluang pekerjaan.

Objectives

To manage the forest resources sustainably for the continuous production of forest goods and services and their optimum utilization, compatible with environmental requirements.

To increase the supply of forest goods and services through appropriate forestry activities that enhance the quality, productivity and utilization of the forest resources.

To further develop appropriate environmentally sound technology for the conservation, management and utilization of the forest resources.

To conserve and protect the forest biological diversity, water and soil, and their sustainable utilization.

To increase the quality and efficiency of the forest-based processing mills and enhance higher value added downstream activities.

To strengthen human resource development (HRD) to support the forestry sector.

To improve public awareness on the environmental and conservational roles of forests through education and dissemination of information.

To increase the forestry sector's contribution to national income, foreign exchange earnings and employment opportunities.



PIAGAM PELANGGAN IBU PEJABAT PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Semua permohonan untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai pengurusan, pembangunan dan pemuliharaan sumber hutan serta industri perhutanan akan dikemukakan dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh permohonan diterima kecuali bagi maklumat-maklumat yang belum diperolehi oleh Jabatan.

Nasihat-nasihat teknikal mengenai pengurusan, pembangunan dan pemuliharaan sumber hutan serta industri perhutanan akan dikemukakan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh ianya diterima kecuali bagi perkara-perkara yang memerlukan kajian yang khusus.

Semua permohonan untuk mendapatkan penerbitan tidak terperingkat akan diedarkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh permohonan diterima.

Permohonan untuk mengikuti latihan dalam perkhidmatan yang dianjurkan oleh Jabatan akan dimaklumkan keputusannya dalam tempoh dua (2) minggu selepas tarikh tamat penerimaan permohonan.

Permohonan untuk mengikuti kursus-kursus di Sekolah Perhutanan, Kepong dan Pusat Latihan Membalak, Terengganu akan dimaklumkan keputusannya dalam tempoh satu (1) bulan selepas tarikh temuduga.

Semua laporan kemajuan projek pembangunan hutan akan dikemukakan kepada agensi pusat tidak lewat dari tarikh yang ditetapkan.

Keputusan tawaran pelaksanaan projek pembangunan hutan akan dimaklumkan tidak lewat dari empat (4) bulan selepas tawaran dikeluarkan.

Tindakan untuk mengemukakan dokumen bagi bayaran kemajuan kontrak ke Perbendaharaan akan diambil dalam tempoh satu (1) bulan dari tarikh permohonan diterima sekiranya semua syarat-syarat yang ditetapkan dipenuhi.

Bon pelaksanaan kontrak akan dilepaskan dalam tempoh satu (1) bulan selepas tamat tempoh bon tersebut.

Semua aduan berhubung perkhidmatan perhutanan akan diambil tindakan dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh aduan diterima.

CLIENT'S CHARTER FORESTRY DEPARTMENT HEADQUARTERS PENINSULAR MALAYSIA

All requests for information on management, development and conservation of forest resources as well as forest industries shall be entertained within one (1) week from the date such requests were made except for information not readily available in the Department.

Technical advice on management, development and conservation of forest resources, as well as forest industries shall be forwarded within two (2) weeks from the date such requests were made except for matters requiring specific studies.

All requests for unrestricted publications shall be distributed within two (2) weeks from the date such requests were made.

All applications to attend in-service training organised by the Department shall be notified within two (2) weeks after the closing date for such applications.

All applications to attend courses at the Forestry School in Kepong and the Logging Training Centre in Terengganu shall be notified within one (1) month after the dates of interviews.

All progress reports on forest development projects shall be submitted to the central agency not later than the date stipulated.

Results of tenders for the implementation of forest development projects shall be made known not later than four (4) months after such tenders were issued.

Actions to forward the contract progress payment documents to the Treasury shall be undertaken within one (1) month from the date of application provided all conditions are fulfilled.

Performance bonds shall be released within one (1) month after the expiry date of such bonds.

All complaints pertaining to forestry services shall be acted upon within three (3) days after such complaints were received.



PIAGAM PELANGGAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA

Semua permohonan untuk mengeluarkan hasil-hasil hutan atau menjalankan Kilang Berasas Kayu akan diproses mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Lesen untuk mengeluarkan hasil hutan akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh kelulusan diberi, setelah semua syarat-syarat kelulusan dipatuhi.

Lesen untuk menjalankan Kilang Berasas Kayu akan dikeluarkan dalam tempoh masa tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh siap kilang dibina setelah memenuhi semua syarat-syarat kelulusan.

Keputusan mengenai permohonan melanjutkan tempoh lesen mengeluarkan hasil hutan atau lesen menjalankan Kilang Berasas Kayu akan diberi dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh permohonan diterima.

Menghargai maklumat serta maklum balas yang diterima daripada orang awam. Semua aduan kesalahan hutan akan diambil tindakan dalam masa tidak melebihi tiga (3) hari.

Memberi perkhidmatan yang sebaik mungkin serta layanan yang mesra setiap masa.

CLIENT'S CHARTER STATE FORESTRY DEPARTMENT PENINSULAR MALAYSIA

All applications to take forest produce or to operate Wood-based Industries shall be processed according to prescribed procedures.

Licences to take forest produce shall be issued within a period of not more than six (6) months from the date of approval, provided the required terms are fulfilled.

Licences to operate Wood-based Industries shall be issued within a period of not more than one (1) month from the completion of mill construction provided all terms of approval are fulfilled.

Decisions on applications for extension of all licences to take forest produce or to operate Wood-based Industries shall be made within a period of not more than one (1) month from the date of such applications were received.

Information and feedback received from the public will be acknowledged. All complaints pertaining to forest offences shall be acted upon within a period of not more than three (3) days.

To render the best possible services and courtesy at all times.



PENGURUSAN / PENTADBIRAN
MANAGEMENT / ADMINISTRATION



PERUTUSAN KETUA PENGARAH DIRECTOR GENERAL'S MESSAGE

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah memainkan peranan aktif dalam perbincangan mengenai isu-isu perhutanan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa di sepanjang tahun 2008. Di antara isu-isu penting yang dibincangkan termasuklah usaha-usaha untuk meningkat dan memantapkan aspek-aspek penguatkuasaan hutan bagi membanteras kesalahan hutan, penambahbaikan peruntukan perundangan hutan yang sedia ada dan konservasi kepelbagaian biologi hutan. Kesemua usaha ini memerlukan penyertaan aktif dan komitmen tinggi Jabatan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Dalam usaha untuk menangani isu pembalakan haram, Jabatan telah menganjurkan Retreat Pembalakan Haram Ke-2 yang disertai oleh pegawai-pegawai kanan di kedua-dua peringkat persekutuan dan negeri-negeri pada 15 – 17 Jun 2008 di Kuantan, Pahang. Retreat ini merupakan satu usaha dan kesinambungan daripada Retreat Pembalakan Haram Pertama yang telah diadakan pada tahun sebelumnya. Retreat ini telah memperkenalkan satu pendekatan baru dalam memperkemarkan aktiviti penguatkuasaan hutan iaitu menerusi pendekatan *visible enforcement concept*. Dengan pendekatan baru yang akan dilaksanakan ini, semua aktiviti penguatkuasaan dilakukan secara telus (*visualise*) dan dihebahkan kepada masyarakat umum bagi memberikan keyakinan kepada orang awam akan kesungguhan Jabatan di dalam membanteras kegiatan pembalakan haram. Dalam hal yang sama, satu Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Membanteras Pembalakan Haram di Peringkat Nasional telah diadakan pada 17 Januari 2008 bagi membincangkan tindakan penguatkuasaan bersepadu bersama-sama dengan agensi penguatkuasaan lain seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Polis Marin, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Pejabat Tanah dan Galian (PTG), Pejabat Tanah Daerah dan RELA.

Forestry Department of Peninsular Malaysia (FDPM) has played an active role in the discussion of forestry related issues at national and international level in 2008. Among the important issues discussed include efforts to enhance and strengthen the aspects of forest enforcement in order to eradicate forest offences, to provide provisions for the improvement of the existing forest law and the conservation of the forest biological diversity. All these efforts require active and high commitment of the Department in order to implement its entrusted duties and responsibilities.

In her quest to overcome the issues of illegal logging, the Department has successfully organised the Second Retreat on Illegal Logging which was participated by senior officers both at the federal and states level from 15 – 17 June 2008 in Kuantan, Pahang. This retreat was a follow-up of the First Retreat on Illegal Logging organised in the previous year. This retreat has introduced new approach to be carried out through a visible enforcement concept. With this concept, all enforcement activities would be transparent and publicised to the general public in order to recreate confidence of the public on the earnest of the Department to eradicate illegal logging activities. In addition, a Special Task Force to Eradicate Illegal Logging Meeting was organised at the National level on 17 January 2008 to discuss the integrated enforcement actions with other enforcement agencies such as the Royal Malaysian Police (PDRM), the Marine Police, the Royal Malaysian Custom, Department of Land and Mines, District Land Office and RELA.



Dirian Bakau / Mangrove Stands

Selain daripada itu, sebanyak 62 perjawatan baru telah diluluskan kepada JPSM mulai 1 Jun 2008 bagi memantapkan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan. Daripada 62 perjawatan baru tersebut, sebanyak 44 perjawatan diwujudkan bagi memperkasakan Unit Penguatkuasaan di JPSM yang sedia ada. Dengan adanya perjawatan baru ini, tugas-tugas penyiasatan bagi kes kesalahan hutan di negeri-negeri akan dilaksanakan secara sepenuh masa oleh pegawai-pegawai yang memegang jawatan baru tersebut. Di samping itu, satu seksyen baru iaitu Seksyen Perundangan dan Pendakwaan dengan 18 perjawatan baru yang antaranya terdiri daripada Pegawai Undang-undang telah diwujudkan. Unit ini akan dipertanggungjawabkan untuk memberikan khidmat nasihat mengenai penyiasatan dan perundangan serta menjalankan tugas pendakwaan ke atas kes-kes kesalahan hutan terutamanya yang berkaitan dengan pembalakan haram.

Dalam aspek perundangan pula, Jabatan telah mengambil tindakan untuk menyemak dan memperkemas secara keseluruhan peruntukan-peruntukan dalam Akta Perhutanan Negara, 1984 (Akta 313). Di samping itu, seramai lebih kurang 132 orang pegawai Jabatan telah menghadiri kursus-kursus yang dikendalikan bersama oleh Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) dan di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). Kursus-kursus ini merangkumi aspek-aspek serbuan, prosedur tangkapan dan pengeledahan, risikan, penyiasatan dan penyediaan kertas siasatan serta pendakwaan.

Bagi memastikan khazanah hutan paya laut dan hutan-hutan lain di pesisiran pantai yang amat bernilai di negara ini dapat dipelihara, diurus, dibangunkan dan digunakan secara lestari berlandaskan konsep

As a consequence, 62 new posts were approved to FDPM beginning 1 June 2008 to enhance the effectiveness of the enforcement activities. Out of the 62 new posts, 44 posts were established to strengthen the existing Enforcement Unit of the department. With this new post, the investigation tasks for forest offences at the state level would be carried out full time by the newly appointed officers. Apart from that, a new Legal and Prosecution Section has been established which comprise 18 new posts including a Legal Officer. This unit is responsible to provide advice services pertaining to investigation, legislation and also to carry out prosecution duties on forest offences especially related to illegal logging.

In terms of legal aspect, the Department has taken action to review and update thoroughly the whole provisions of the National Forestry Act, 1984 (Act 313). Furthermore, about 132 department officers have attended courses which was jointly organised with the Royal Malaysian Customs, the National Institute of Land and Survey (INSTUN) and Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP). These courses include aspects of ambush, arrest and seizure procedures, intelligence, investigation and preparation of Investigation papers for prosecution.

In order to ensure that the treasures of the mangrove forests and other valuable forests along the national coastline are conserved, managed, developed and used wisely based on sustainable forest management

pengurusan hutan secara berkekalan, serta selaras dengan prinsip pembangunan mampan dan mesra alam, Kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah menyediakan peruntukan sebanyak RM40 juta di bawah RMK-9 bagi melaksanakan Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara. Sejak bermulanya program ini pada tahun 2005 sehingga ke tahun 2008, sebanyak 3.6 juta pokok bakau dan spesies-spesies pokok lain yang sesuai di pesisiran pantai telah ditanam yang melibatkan keluasan seluas 1,309.3 hektar. Untuk tahun 2008 sahaja, sejumlah 1,511,465 pokok telah ditanam yang meliputi kawasan pesisiran pantai negara seluas 627.7 hektar.

Dalam meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program ini, beberapa aktiviti pengukuhan telah dilaksanakan, termasuklah penganjuran Seminar Pengurusan dan Pemuliharaan Hutan Nipah pada 25 dan 26 Februari 2008 di Pulau Pinang dan Seminar Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai Negara 2008: Hasil Penyelidikan dan Aplikasinya Kepada Tanaman Serta Kesedaran Komuniti pada 27 – 29 Oktober 2008 di Kuantan, Pahang. Di samping itu, usaha untuk mendokumentasi pengetahuan, kemahiran serta pengalaman di kalangan pegawai dan kakitangan JPSM yang terlibat dalam program ini juga telah dapat dijayakan dengan terbitnya sebuah buku panduan bertajuk Panduan Menanam Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara.

Dalam konteks pendekatan secara menyeluruh, kesedaran masyarakat perlu dipupuk dan diingatkan dari semasa ke semasa. Bagi mencapai hasrat ini, JPSM dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri dan Jabatan Pelajaran Negeri telah mengambil inisiatif menganjurkan Kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai Negara 2008 yang bertemakan “Cintailah Hutan Pesisiran Pantai Negara”. Kempen ini telah diadakan secara serentak di semua negeri di Semenanjung Malaysia pada 11 November 2008 kecuali Negeri Perlis yang mengadakannya pada 18 November 2008. Kempen ini telah disertai seramai 2,861 orang peserta yang terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah, guru-guru, orang-orang awam, penduduk-penduduk tempatan, pegawai serta kakitangan Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang lain. Kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai Negara 2008 Peringkat Kebangsaan pula telah dilancarkan di Pusat Eko-Pelajaran, Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang, Perak.

Dalam tahun 2008, JPSM telah menganjurkan dua (2) Ekspedisi Saintifik, iaitu di Hutan Negeri Melaka, pada 30 Mac – 4 April 2008 dan di Taman Negeri Bukit Panchor dan Pulau Jerejak, Pulau Pinang pada 10 - 15 Ogos 2008. Pada tahun yang sama, sebanyak tiga (3) Seminar Ekspedisi Saintifik juga telah diadakan di Negeri Sembilan, Pahang dan Perak bertujuan untuk menyebarkan keputusan dan penemuan hasil daripada ekspedisi yang telah diadakan. Di samping itu, dua buah buku prosiding, iaitu “*Proceedings of the National Conference on the Management and Conservation of Forest Biodiversity in Malaysia*” dan “*Prosiding Persidangan Gaharu Kebangsaan*” telah juga berjaya diterbitkan.

Dalam tahun 2008, JPSM telah diperuntukkan sumber kewangan berjumlah RM 20.28 juta untuk

concept and also in line with the principles of sustainable development and environmental friendly, the Government through the Ministry of National Resources and Environment has provided RM40 million under the Ninth Malaysian Plan to implement the Planting Programme of Mangroves and Other Suitable Tree Species Along the National Coastline. Since the beginning of this programme in 2005 until 2008, a total of 3.6 million mangrove trees and other suitable tree species has been planted along the national coastline which involve an area of 1,309.3 hectares. For 2008, a total of 1,511,465 trees were planted covering an area of 627.7 hectares.

In order to enhance the effective implementation of the programme, several activities has been conducted, which include organising Seminar on Nipah Forest Management and Conservation from 25 and 26 February 2008 in Penang and Seminar on Forest Rehabilitation of The National Coastline 2008 : Research Findings & Applications to Planting and Community Awareness from 27-29 October 2008 in Kuantan, Pahang. In addition, efforts are been made to document the knowledge, skills and experiences among the officers and staffs of FDPM who are involved in these programme. A guide book entitled Guidelines to Plant Mangroves and Other Suitable Tree Species along the National Coastline was published.

In the context of a holistic approach, community awareness must be nourished and reminded from time to time. To achieve this, FDPM together with the cooperation of the State Governments and State Education Departments has taken the initiatives to organise Awareness Campaign on Conservation of National Coastline 2008 with the theme “Love the National Coastline Forests”. This campaign was held on 11 November 2008 simultaneously in all states of Peninsular Malaysia except for Perlis which was held on 18 November 2008. A total of 2,861 people comprising students, teachers, general public, local communities, staffs and officers of government departments and other State agencies participated in the campaign. The National Coastline Conservation Awareness Campaign 2008 was launched at the Matang Mangroves Eco-Education Center, Kuala Sepetang, Perak.

In 2008, FDPM organised two (2) Scientific Expeditions that is, at the Malacca State Forest, from 30 March - 4th April 2008 and at Bukit Panchor State Park and also at Pulau Jerejak, Penang from 10 - 15 August 2008. In the same year, three (3) Scientific Expedition Seminars were organised at Negeri Sembilan, Pahang and Perak with the objective to disseminate the outcome and findings of the organised expeditions. In addition, two proceedings were published entitled “Proceeding of the National Conference on the Management and Conservation of Forest Biodiversity in Malaysia” and Proceedings on “National Gaharu Conference”.

In 2008, FDPM was allocated a financial source amounting to RM20.28 million to implement 11 forest

melaksanakan 11 program pembangunan hutan. Daripada peruntukan yang diterima, sejumlah RM19.85 juta ataupun 97.9% telah dapat dibelanjakan untuk melaksanakan 79 projek pembangunan.

Kehendak kriteria dan petunjuk hutan di bawah Standard MC&I (2002) terus dilaksanakan dalam tahun 2008. Malah ianya telah dipertingkatkan sejajar dengan peralihan dan pelaksanaan peraturan baru Malaysian Timber Certification Scheme atau MTCS. Sehingga akhir tahun 2008, sebanyak tujuh buah negeri di Semenanjung Malaysia yang melibatkan sejumlah 4.68 juta hektar Hutan Simpanan Kekal telah berjaya dianugerahkan Sijil Pengurusan Hutan oleh *Malaysian Timber Certification Council*.

Dalam arena antarabangsa pula, JPSM terus terlibat secara aktif dalam pelbagai mesyuarat, bengkel dan persidangan di peringkat serantau dan global. Pegawai-pegawai Kanan Jabatan telah menyertai mesyuarat-mesyuarat penting seperti *United Nations Forum on Forests (UNFF)*, *United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC)*, *Convention on Biological Diversity (CBD)*, *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES)*, *International Tropical Timber Council (ITTC)* dan *FAO Committee on Forestry (COFO)*. Di peringkat serantau pula, pegawai-pegawai Jabatan telah menghadiri pelbagai mesyuarat ASEAN seperti *ASEAN Senior Official on Forestry (ASOF)* dan *ASEAN Minister of Agriculture and Forestry (AMAF)*. Di peringkat kebangsaan, seramai 70 orang pegawai Jabatan telah menghadiri Persidangan Perhutanan Malaysia Ke-15 yang bertema "*Addressing Global Demands and Expectations in Forestry*" pada 20 – 24 Oktober 2008 di Kuching, Sarawak. Pada persidangan tersebut, JPSM telah menyumbangkan sebanyak 14 kertas kerja dalam enam sesi plenari serta dua persembahan poster (poster presentation).

Itulah antara pencapaian dan kejayaan yang telah dicapai oleh Jabatan di sepanjang tahun 2008. Justeru itu, saya amat yakin dan komited, dalam tahun 2009, Insya Allah lebih banyak kejayaan akan dicapai oleh JPSM dan keyakinan ini adalah berlandaskan apa yang telah dirancang dan akan dilaksanakan seperti yang terdapat dalam Pelan Strategik JPSM yang akan dijadikan tunjang dan panduan dalam mencapai kejayaan tersebut.

Akhir kata, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan kepada semua warga JPSM yang telah memberikan sumbangan dan komitmen berterusan dalam usaha menuju kecemerlangan perkhidmatan yang diberikan. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, semua Agensi Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan yang berkaitan di atas segala kerjasama dan sokongan yang diberikan kepada JPSM.


development programmes. Of this total amount received, about RM19.85 million or 97.9% was spent on 79 development projects.

The requirement of the forest criteria and indicators under the MC&I Standard (2002) continued to be carried out in the year 2008. In spite of that, it has been enhanced in line with the changes and implementation of the new procedure of the Malaysian Timber Certification Scheme or MTCS. At the end of 2008, seven states in Peninsular Malaysia covering an area of 4.68 million hectares of Permanent Reserved Forests has successfully being conferred the Forest Management Certificate by the Malaysian Timber Certification Council.

At the international arena, FDPM continue to participate actively in various meetings, workshops and conferences at regional and globally. The senior officers of the department also attended important meetings such as United Forum on Forest (UNFF), United Nations Framework Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES), International Tropical Timber Council (ITTC) and FAO Committee on Forestry (COFO). At the regional level, the department's officers attended various ASEAN meetings such as ASEAN Senior Official on Forestry (ASOF) and ASEAN Minister of Agriculture and Forestry (AMAF). At the national level, a total of 70 department officers attended the 15th Malaysian Forestry Conference with the theme of the conference "Addressing Global Demands and Expectations in Forestry" from 20 to 24 October 2008 in Kuching, Sarawak. At the conference, FDPM presented 14 working papers in six plenary session and two poster presentation.

These are some of the success and achievements of the Department in 2008. Because of that, I am very confident and committed that in the year of 2009 with Allah blessings, FDPM would achieve more success and confidence based on what has been planned and to be implemented as stipulated in the FDPM Strategic Plan which would be used as a guide to achieve the respective goals.

In closing, I would like to take this opportunity to express my sincere appreciation to all the staff of FDPM for their dedication and continuous commitments in realizing numerous achievements throughout the year 2008. I would also like to convey my sincere thanks to the Ministry of Natural Resources and Environment, all related agencies and Non-governmental organizations for their kind co-operations and supports rendered to the Department.



DATO' SERI AZAHAR BIN MUDA
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia
*Director General of Forestry
Peninsular Malaysia*




Fungsi Direktorat

Ahli direktorat terdiri daripada Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia dan dua orang Timbalan Ketua Pengarah. Direktorat adalah bertanggungjawab dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar, strategi-strategi dan objektif- objektif Jabatan serta menyelaraskan kerja-kerja pentadbiran, pengurusan, pembangunan dan pemeliharaan sumber hutan selaras dengan keperluan negara.

Functions of the Directorate

The directorate comprises the Director General of Forestry Peninsular Malaysia and two Deputy Director Generals. They are responsible for the formulation and implementation of policies, strategies and objectives of the Department, as well as in coordinating the administration, management, development and conservation of the forest resources to meet the needs of the country.



Hutan Paya Laut Matang
Matang Mangrove Forest

AHLI-AHLI DIREKTORAT MEMBERS OF THE DIRECTORATE



**TIMBALAN KETUA
PENGARAH PERHUTANAN
(OPERASI HUTAN)**
*Deputy Director General of Forestry
(Forest Operations)*
Dato' Razani bin Ujang

**KETUA PENGARAH PERHUTANAN
SEMENANJUNG MALAYSIA**
*Director General of Forestry
Peninsular Malaysia*
Dato' Seri Azahar bin Muda

**TIMBALAN KETUA
PENGARAH PERHUTANAN
(PERANCANGAN DAN
PEMBANGUNAN HUTAN)**
*Deputy Director General of Forestry
(Forest Planning and Development)*
Dr Abd Rahman bin Abd Rahim
(mulai / since 1 Jun 2008)

Dato' Dahlan bin Taha
(sehingga / until 11 Mei 2008)
(tiada dalam gambar / not in the
photograph)

PENGARAH-PENGARAH UNIT DI IBU PEJABAT PERHUTANAN UNIT DIRECTORS AT THE FORESTRY DEPARTMENT HEADQUARTERS



16

BERDIRI DARI KIRI / STANDING FROM LEFT

1. **PENGARAH EKONOMI HUTAN**
Director of Forest Economics
Poh Lye Yong
(menanggung kerja mulai / *charging from* 16 Mei 2008)

Chin Yue Mun
(menanggung kerja sehingga / *charging until* 15 Mei 2008)
2. **PENGARAH PENGUATKUASAAN HUTAN**
Director of Forest Enforcement
Mohd Nasir bin Abu Hassan
3. **PENGARAH TUGAS-TUGAS KHAS DAN WILAYAH PERSEKUTUAN**
Director of Special Functions And Federal Territory
Borhanudin bin Arshad
(sehingga / *until* 21 September 2008)

Mohd Ridza bin Awang *
(mulai / *since* 22 September 2008)
4. **KETUA AUDIT DALAM**
Chief Internal Auditor
Saharudin bin Ahmad
5. **PENGARAH TEKNOLOGI MAKLUMAT**
Director of Information Technology
Khairuddin bin Mohamad Mor
6. **PENGARAH LATIHAN PERHUTANAN**
Director of Forestry Training
Abdullah Sani bin Shaffie
(sehingga / *until* 14 November 2008)

Wan Yusoff bin Wan Ahmad *
(mulai / *since* 15 November 2008)
7. **PENGARAH ANTARABANGSA DAN KEURUSETIAAN**
Director of International And Secretariat
Dr. Mohd Yunus bin Zakaria
(sehingga / *until* 21 September 2008)

Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yasin *
(mulai / *from* 22 September 2008)

8. **KETUA PEGAWAI TADBIR**
Chief Administrative Officer
Wan Azwar Zaihan bin Wan Ahmad

9. **PENGARAH KEMAJUAN PERINDUSTRIAN HUTAN**
Director of Forest Industrial Development
Ir. Saiful Muzamir bin Ismail

DUDUK DARI KIRI / SEATED FROM LEFT

1. **PENGARAH PENGURUSAN HUTAN**
Director of Forest Management
Nik Mohd Shah bin Nik Mustaffa
2. **PENGARAH PERANCANGAN HUTAN**
Director of Forest Planning
Chin Yue Mun
3. **PENGARAH LADANG HUTAN**
Director of Forest Plantation
Zulkefli bin Mokhtar
(sehingga / *until* 21 September 2008)

Na'aman bin Jaafar *
(mulai / *from* 22 September 2008)
4. **PENGARAH SILVIKULTUR DAN PERLINDUNGAN HUTAN**
Director of Silviculture and Forest Protection
Koh Hock Lye

CATATAN / NOTE

1. **PENGARAH KEJURUTERAAN HUTAN**
Director of Forest Engineering
Kosong / *Vacant*

* (tiada dalam gambar / *not in the photograph*)

PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI

STATE DIRECTORS OF FORESTRY



BERDIRI DARI KIRI / STANDING FROM LEFT

1. **PULAU PINANG**
Mohd Puat bin Dahalan
(mulai / since 1 Mei 2008)

Samsudin bin Salleh *
(sehingga / until 30 April 2008)
2. **NEGERI SEMBILAN**
Roslan bin Ariffin
(mulai / since 15 Ogos 2008)

Ahmad Zainal bin Mat Isa *
(sehingga / until 16 Jun 2008)
3. **WILAYAH PERSEKUTUAN**
Borhanudin bin Arshad
(sehingga / until 21 September 2008)

Mohd Ridza bin Awang *
(mulai / since 22 September 2008)
4. **MELAKA**
Khairuddin bin Perdan
Pegawai Perhutanan Negeri / State Forestry Officer
(mulai / since 15 Ogos 2008)

Ahmad Zainal bin Mat Isa *
(sehingga / until 16 Jun 2008)
5. **KEDAH**
Kasim bin Osman
6. **SELANGOR**
Nor Akhiruddin bin Mahmud
(sehingga / until 21 September 2008)

Dr. Mohd Yunus bin Zakaria *
(mulai / since 22 September 2008)

7. **JOHOR**
Yahaya bin Mohamood
(menanggung kerja mulai / charging since 1 Jun
sehingga / until 21 September 2008)

Dr. Abd Rahman bin Abd Rahim *
(sehingga / until 31 Mei 2008)

Zulkefli bin Mokhtar *
(mulai / since 22 September 2008)
8. **PERLIS**
Ridzuan bin Salleh
(mulai / since 15 Ogos 2008)

Roslan bin Ariffin
(sehingga / until 14 Ogos 2008)

DUDUK DARI KIRI / SEATED FROM LEFT

1. **KELANTAN**
Wan Yusoff bin Wan Ahmad
(sehingga / until 14 November 2008)

Abdullah Sani bin Shaffie *
(mulai / since 15 November 2008)
2. **PERAK**
Masran bin Md. Salleh
3. **PAHANG**
Dato' Che Hashim bin Hassan
(sehingga / until 16 Disember 2008)
4. **TERENGGANU**
Na'aman bin Jaafar
(sehingga / until 21 September 2008)

Nor Akhiruddin bin Mahmud
(mulai / since 22 September 2008)

* (tiada dalam gambar / not in the photograph)



PENGANUGERAHAN AWARDS

Dalam tahun 2008, terdapat beberapa orang pegawai yang telah dianugerahkan pingat kebesaran negeri-negeri.

During the year 2008, a number of forest officers were conferred state's honor.



Foto / Photo 1



Foto / Photo 2

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) merakamkan ucapan tahniah kepada Encik Wan Yusoff bin Wan Ahmad (Foto 1), Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan di atas penganugerahan Ahli Yang Ketiga (Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (P.S.K) dan juga Puan Jamaliah binti Basir (Foto 2), Pegawai Hutan Jajahan Kelantan Selatan, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan di atas penganugerahan Ahli Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (A.S.K) pada 30 Mac 2008 sempena Ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan Yang Ke-58.

The Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM) congratulates Mr.Wan Yusoff bin Wan Ahmad (Photo 1), the Director of Kelantan State Forestry Department on being conferred Ahli Yang Ketiga (Paduka) Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (P.S.K) and also to Mrs. Jamaliah binti Basir (Photo 2), District Forest Officer Southern Kelantan, Kelantan State Forestry Department on being conferred the Ahli Bagi Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan Yang Amat Terbilang (A.S.K) on 30th March 2008 in conjunction with the 58th birthday of His Royal Highness Al-Sultan Kelantan.

Puan Khalijah binti Abd. Hamid (Foto 3), Penolong Pengarah (Hutan Lipur), Encik Ahmad Fadzil bin Abdul Majid (Foto 4), Penolong Pengarah (Silvikultur & Perlindungan), Encik Salim bin Ali, Pegawai Hutan Daerah Kuala Kangsar dan Encik Salim bin Aman (Foto 5), Pegawai Hutan Daerah Larut dan Matang, Jabatan Perhutanan Negeri Perak di atas

Mrs. Khalijah binti Abd. Hamid (Photo 3), Assistant Director (Recreational Forest), Mr. Ahmad Fadzil bin Abdul Majid (Photo 4), Assistant Director (Silviculture & Protection), Mr. Salim bin Ali, District Forest Officer of Kuala Kangsar and Mr. Salim bin Aman (Photo 5), District Forest Officer of Larut and Matang, Perak State Forestry



PENGANUGERAHAN AWARDS



Foto / Photo 3

penganugerahan Ahli Mahkota Perak (A.M.P) serta Encik Azid bin Adam (Foto 6), Penolong Pegawai Hutan Daerah Hulu Perak, Jabatan Perhutanan Negeri Perak di atas penganugerah Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T) pada 19 April 2008 sempena Ulang tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak.



Foto / Photo 4

Department on being conferred Ahli Mahkota Perak (A.M.P) and also Mr. Azid bin Adam (Photo 6), Assistant District Forest Officer of Hulu Perak, Perak State Forestry Department, on being conferred Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T) on 19th April 2008 on occasion of the birthday of His Royal Highness Sultan Perak.



Foto / Photo 5



Foto / Photo 6



PENGANUGERAHAN AWARDS



Profesor Emeritus Dato' Dr. Abdul Latif bin Mohamad

Pada 18 Ogos 2008, Anugerah Khas Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah diberikan kepada Profesor Emeritus Dato' Dr. Abdul Latiff bin Mohamad, di atas sumbangan beliau dalam membantu pelaksanaan Program Pemeliharaan Kepelbagaian Biologi Hutan di JPSM.

On 18th August 2008, the Forestry Department of Peninsular Malaysia Special Award was conferred to Profesor Emeritus Dato' Dr. Abdul Latiff bin Mohamad, for his contributions in the implementation of Forest Biological Diversity Conservation Programmes of FDPM.

Selain daripada itu, sejumlah 29 orang warga JPSM telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2007.

In addition, a total of 29 personnel of the FDPM were awarded with Excellent Service Awards 2007.



Sesi bergambar bersama penerima anugerah perkhidmatan cemerlang dan tetamu kehormat
Photography session with excellent service awards recipients and guest of honours

Barisan depan dari kiri / *Front row from left*

Poh Lye Yong, Sulahi@Suhaili bin Rosli, Lim Kee Leng, Dato' Che Hashim bin Hassan, Dato' Razani bin Ujang, Dato' Seri Azahar bin Muda, Datuk Suboh bin Mohd Yassin, Letchumanan Ramatha, Dr. Abd. Rahman bin Abd. Rahim, Dr. Mohd Yunus bin Zakaria, Mohd Yusuff bin Baharom, Zahari bin Ibrahim

Barisan tengah dari kiri / *Middle row from left*


Kamal bin Sadin, Asmadi bin Mohd, Shohaimi bin Md Sani, Ismail bin Omar, Sanja a/p Boon Kong, Wan Khalthum binti Wan Ismail, Azlin binti Ahmad, Zurina binti Jusoh, Mariam binti Abdul Karim, Hairul bin Abdul Hamid, Ahmad Mohamad bin Ghazali

Barisan belakang dari kiri / *Back row from left*

Teddy Sius@Lawrence, Rohaizam bin Mohamad, Mohamad bin Samad, D Zulkifli bin Tukiman, R.S Chandrasegaran, Azmi bin Masro, Suhaadi bin Omar



CARTA ORGANISASI ORGANISATION CHART





ORGANISASI ORGANISATION

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) ditempatkan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Malaysia dan terdiri daripada Ibu Pejabat Perhutanan di Kuala Lumpur, 10 Jabatan Perhutanan Negeri dan 33 Pejabat Hutan Daerah di seluruh Semenanjung Malaysia. Jabatan ini diketuai oleh Ketua Pengarah Perhutanan dan dibantu oleh dua Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan. Pada akhir tahun 2008, bilangan gunatenaga adalah seramai 5,403 orang.

FUNGSI-FUNGSI JABATAN

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia berfungsi dalam pengurusan, perancangan, perlindungan dan pembangunan kawasan Hutan Simpanan Kekal selaras dengan Dasar Perhutanan Negara dan Akta Perhutanan Negara.

IBU PEJABAT PERHUTANAN

Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia bertanggungjawab untuk menggubal dasar-dasar perhutanan, memberi nasihat dan khidmat teknikal kepada Jabatan-jabatan Perhutanan Negeri dalam aspek perancangan, pengurusan dan pembangunan hutan, industri hutan dan industri berasas kayu, kajian operasi hutan serta latihan dan pembangunan sumber manusia.

Di Ibu Pejabat Perhutanan terdapat dua (2) bahagian teknikal yang bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Pengarah Perhutanan. Setiap bahagian teknikal diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan. Tujuh (7) Unit bertanggungjawab secara langsung kepada Timbalan Ketua Pengarah (Operasi Hutan) dan enam (6) Unit bertanggungjawab secara langsung kepada Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan dan Pembangunan Hutan).

Bahagian Operasi Hutan

Bahagian ini diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Operasi Hutan) yang bertanggungjawab dalam bidang pentadbiran dan kewangan, latihan dan pembangunan sumber manusia, pemantauan penguatkuasaan hutan, pembangunan industri berasas kayu, kejuruteraan hutan, isu perhutanan antarabangsa dan keurusetiaan serta tugas-tugas khas dan pentadbiran perhutanan Wilayah Persekutuan.

The Forestry Department Peninsular Malaysia (FDPM) is under the Ministry of Natural Resources and Environment, Malaysia and it comprises the Forestry Department Headquarters in Kuala Lumpur, 10 State Forestry Departments and 33 District Forest Offices located throughout Peninsular Malaysia. The Department is headed by the Director General of Forestry and assisted by two Deputy Director Generals of Forestry. At the end of 2008, the total workforce is 5,403.

FUNCTIONS OF THE DEPARTMENT

The Forestry Department Peninsular Malaysia is responsible for the management, planning, protection and development of the Permanent Reserved Forest in accordance with the National Forestry Policy and the National Forestry Act.

FORESTRY DEPARTMENT HEADQUARTERS

The Forestry Department Headquarters is responsible for the formulation of forestry policies, providing technical advice and assistance to the State Forestry Departments with regard to forest planning, management and development, forest and wood-based industries, forest operational studies as well as training and human resource development.

The Forestry Department Headquarters has two (2) main technical divisions directly responsible to the Director General of Forestry. Each technical division is headed by the Deputy Director General of Forestry. Seven (7) Units are directly responsible to the Deputy Director General (Forest Operations) and six (6) Units are directly responsible to the Deputy Director General (Forest Planning & Development).

Forest Operations Division

The division is headed by the Deputy Director General of Forestry (Forest Operations) responsible for the administration and finance, training and manpower development, monitoring forest enforcement, development of wood-based industries, forest engineering and international forestry issues and secretariat and also special functions and Federal Territory forestry administration.

Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Hutan

Bahagian ini diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Perancangan dan Pembangunan Hutan) yang bertanggungjawab dalam bidang silvikultur dan perlindungan hutan, pembangunan ladang hutan, pengurusan sumber hutan, perancangan pembangunan sumber hutan, kajian ekonomi perhutanan dan pembangunan teknologi maklumat.

JABATAN PERHUTANAN NEGERI

Jabatan Perhutanan Negeri bertanggungjawab dalam pentadbiran dan pengawalan pengusahaan hutan, kutipan hasil hutan dan pembangunan sumber hutan negeri serta merancang dan menyelaraskan pembangunan industri berasas kayu. Jabatan Perhutanan Negeri dibahagikan kepada Bahagian Operasi Hutan dan Pembangunan Hutan serta disokong oleh Pejabat Hutan Daerah/Jajahan.

Bahagian Operasi Hutan

Bertanggungjawab terhadap pentadbiran, penguatkuasaan undang-undang hutan dan kutipan hasil hutan. Menyelaraskan dan berhubung dengan Ibu Pejabat Perhutanan, lain-lain Jabatan Negeri, Badan-badan dan Agensi Berkanun.

Bahagian Pembangunan Hutan

Bertanggungjawab merancang, melaksana dan memantau aktiviti-aktiviti pengurusan hutan dan silvikultur, penyediaan dan pelaksanaan Rancangan Pengurusan Hutan serta projek pembangunan hutan di peringkat negeri.

Pejabat Hutan Daerah / Jajahan

Bertanggungjawab berkaitan pentadbiran di peringkat daerah / jajahan, pengawalan pengusahaan hutan, kutipan hasil hutan dan penguatkuasaan undang-undang hutan di peringkat daerah / jajahan. Pejabat ini juga bertanggungjawab melaksanakan aktiviti-aktiviti pengurusan dan silvikultur hutan.

Forest Planning and Development Division

The division is headed by the Deputy Director General of Forestry (Forest Planning and Development) responsible for silviculture and forest protection, forest plantation development, forest resource management, forest resource development planning, forest economic studies and information technology development.

STATE FORESTRY DEPARTMENTS

The State Forestry Department is responsible for the administration and regulation of forest harvesting, forest revenue collection and development of the state forest resources as well as to plan and coordinate the development of wood-based industries. The State Forestry Department is divided into Forest Operations and Forest Development Division and supported by the District Forest Office.

Forest Operations Division

In 2008, total direct employment in Peninsular Malaysia forestry sector amounted to 87,810 persons. This registered an overall decrease of 7.8% as compared to 95,274 persons in 2007. The sawmill, plywood / veneer and moulding industries reported increases in employment of 5.9%, 13.9% and 6.5% respectively. Details of direct employment by industry are as follows:

Gunatenaga Secara Langsung Dalam Sektor Perhutanan, Semenanjung Malaysia, 2008
Total Direct Employment In the Forestry Sector, Peninsular Malaysia, 2008

Industri / Industry	Gunatenaga (Bil. orang) Employment (No. of persons)	Perubahan Tahunan Annual Change 2008/2007 (%)
Jumlah Sektor / Total Sector	87,810	- 7.8
Pembalakan / Logging	6,446	- 18.5
Kilang Papan / Sawmill	22,270	+ 5.9
Papan Lapis/ Veneir / Plywood/ Veneer	6,486	+ 13.9
Kayu Kumai / Moulding	5,364	+ 6.5
*Perabot / *Furniture	41,841	- 16.5
Awam / Public	5,403	- 1.5

*Perangkaan untuk Malaysia, seperti yang dikeluarkan dalam Statistik Pengeluaran Bulanan (Disember 2008) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

*Figure for Malaysia, as published in Monthly Manufacturing Statistics (December 2008) by Department of Statistics Malaysia

Jumlah Pelaburan

Pada tahun 2008, jumlah pelaburan dalam industri berasas kayu utama di Semenanjung Malaysia berdasarkan nilai harta tetap adalah RM2.45 juta. Ini mencatatkan peningkatan 15.6% dari tahun 2007 (RM2.12 juta).

IX. PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Dalam tahun 2008, Jabatan telah memberi tumpuan kepada sumber-sumber yang penting bagi menyediakan dan mengendalikan latihan dan program pembelajaran yang berkaitan bagi memprolehi pengetahuan dan kemahiran terkini kepada kakitangan. Sejumlah 1,734 staf JPSM telah mendapat manfaat dari pelbagai aktiviti latihan yang dijalankan di sepanjang tahun. Di samping itu, seramai 54 orang telah menghadiri Kursus Sijil Pengawas Hutan di Sekolah Perhutanan Kepong dan berjaya memperolehi sijil masing-masing. Manakala seramai 16 orang telah menghadiri Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan bagi sesi 2007/2008. Program latihan sepanjang 2008 adalah seperti berikut:

Total Investment

In 2008, the total investment in major wood-based industries in Peninsular Malaysia in terms of fixed assets was RM2.45 million. This registered an increase of 15.6% from 2007 (RM2.12 million).

IX. HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT

In 2008, the Department had deployed significant resources to provide and organise relevant training and learning programmes for staffs to acquire new knowledge and skills. A total of 1,734 staffs from the Department had benefited from the various training activities implemented during the year. In addition, 54 persons had attended the Forester Certificate Course in the School of Forestry, Kepong had successfully obtained their Forester Certificates, while a total of 16 candidates attended the Forestry Ranger Certificates Course for the 2007/ 2008 session. The training programmes during 2008 were as follows :

Program Latihan Sepanjang 2008
Training Programme During 2008

Kategori <i>Category</i>	Dalam Negara <i>Local</i>	Luar Negara <i>Overseas</i>
Kursus/ Lawatan Belajar <i>Course / Study Tour</i>	63	12
Bengkel/ Seminar <i>Workshops / Seminars</i>	38	10
Persidangan <i>Conferences</i>	5	32
Taklimat <i>Briefing</i>	2	-
Ekspedisi <i>Expeditions</i>	3	-
Simposium/Forum/ Kongres <i>Symposium / Forums / Congress</i>	2	2
Dialog/Kolokium/ Syarahan <i>Dialogue / Colloquium / Public Lecture</i>	13	2



ARTIKEL
ARTICLES



ARTIKEL 1

ARTICLE 1

KEMPEN KESEDARAN PEMULIHARAAN HUTAN PESISIRAN PANTAI NEGARA 2008

Berikutan kejadian tsunami pada tanggal 26 Disember 2004, Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara telah dilancarkan pada awal tahun 2005. Program ini merupakan suatu permulaan usaha jangka masa panjang bagi memulihara dan memelihara kawasan di sepanjang pesisiran pantai Malaysia. Pelbagai aktiviti telah dijalankan di bawah pelaksanaan program ini bagi memastikan kejayaannya secara berterusan.

Kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai Negara 2008 telah dilancarkan sebagai salah satu langkah dalam menyokong keberkesanan program penanaman tersebut. Usaha proaktif bersama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Kerajaan-kerajaan Negeri serta Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri dalam penganjuran kempen kesedaran ini dilihat sebagai tanggungjawab sosial kerajaan dalam mewujudkan masyarakat yang prihatin terhadap kepentingan hutan pesisiran pantai negara. Kempen ini telah diadakan secara serentak di seluruh negeri di Semenanjung Malaysia pada 11 November 2008 kecuali negeri Perlis yang diadakan pada 18 November 2008. Majlis perasmian di peringkat kebangsaan telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Mahmod bin Haji Morsidi, Pegawai Daerah Larut, Matang dan Selama di Pusat Eko-Pelajaran, Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang, Perak.



▲ Perasmian Kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai Negara 2008
The Launching of the Awareness Campaign on Forest Conservation of the National Coastline 2008

AWARENESS CAMPAIGN ON FOREST CONSERVATION OF THE NATIONAL COASTLINE 2008

Following the Tsunami incident on 26 December 2004, the Planting Programme with Mangroves and other Suitable Tree Species along the National Coastline was launched in early 2005. The programme was the beginning of a long term effort for the conservation and preservation of areas along the coastline of Malaysia. Various activities were undertaken under the implementation programme to ensure continuous success.

The Awareness Campaign on Forest Conservation of the National Coastline 2008 was launched as one of the steps to support the effectiveness of the planting programme. The proactive efforts of the Forestry Department Peninsular Malaysia, State Governments and also the State Education Departments in organising the campaign could be seen as the Government's social responsibility to create awareness public that are sensitive on the importance of conserving forest along the national coastline. This campaign was held simultaneously throughout the states in Peninsular Malaysia on the 11 November 2008. However for Perlis, it was held on 18 November 2008. At the national level, the launching ceremony was officiated by the Honorable Dato' Mahmod bin Haji Morsidi, District Officer of Larut, Matang and Selama at the Matang Mangroves Eco-Education Centre, Kuala Sepetang, Perak.



▲ Penyampaian Sijil Penyertaan Kepada Para Peserta
Certificates of Attendance presented to Participants

Objektif utama kempen ini ialah untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan ekosistem hutan pesisiran pantai dan menyemai rasa cinta terhadap alam semulajadi. Selain itu, ianya juga bertujuan menggalakkan penglibatan aktif pelbagai lapisan masyarakat khususnya pelajar sekolah dalam aktiviti-aktiviti penanaman pokok dan memberi pendedahan secara *hands on* kepada masyarakat awam berhubung dengan aspek-aspek pembelajaran terutama berkenaan dengan perlindungan dan pemuliharaan hutan pesisiran pantai.

Dengan bersandarkan tema “Cintailah Hutan Pesisiran Pantai Negara”, kempen kesedaran ini dijadikan sebagai satu platform di mana proses pembelajaran dan pendedahan secara terus diberikan kepada masyarakat terutamanya pelajar-pelajar sekolah. Selaras dengan pendekatan yang digunakan iaitu “Bertindak bersama-sama dengan generasi muda pelapis warisan bangsa”, ianya menjadi satu wadah ke arah memupuk kesedaran masyarakat umum terutamanya di kalangan belia di samping menerap semangat jati diri di kalangan peserta.

The main objective of the campaign is enhancing awareness on the importance of coastline forest ecosystem and inculcates the love towards natural environment. In addition, it also encourage active public participation from various level specifically the school children in tree planting activities and to provide hands on exposure to the general public related to educational aspect especially related to the protection and conservation of coastline forests.

Based on the theme “Love the National Coastline Forests”, the awareness campaign was used as a platform where education process and direct exposure was given to the public especially school children. In line with approach used that is “Act together with the young generation of the national heritage”, it has become a movement to instill general public awareness specifically among the youth and coupled with instilling self confident among the participants.



Menyusuri Interpretative Trail
Following the Interpretative Trail

▲ Menanam Pokok Bakau di Kuala Sepetang, Perak
Planting of Mangroves at Kuala Sepetang, Perak


Menanam Pokok Rhu Pantai (*Casuarina* spp.) di Kedah ▲
Planting of Rhu Trees (*Casuarina* spp.) in Kedah

Seramai 2,861 orang peserta telah melibatkan diri di dalam kempen kesedaran ini. Mereka terdiri daripada pelajar sekolah, pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT), pegawai & kakitangan Jabatan Perhutanan, agensi-agensi lain, orang awam dan penduduk tempatan yang meliputi seluruh Semenanjung Malaysia. Gambarajah 1 menunjukkan Penglibatan Peserta Kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai Negara 2008 Di Semenanjung Malaysia.

A total of 2,861 participants took part in this campaign. They comprise school children, student of Higher Institution, officers and staff of the Forestry Departments, other agencies, public and local communities throughout Peninsular Malaysia. Figure 1 shows the Involvement of Participants in the Awareness Campaign.

Gambarajah 1 : Penglibatan Peserta Kempen Kesedaran Pemuliharaan Hutan Pesisiran Pantai Negara 2008 Di Semenanjung Malaysia

Figure 1 : Involvement of Participants in National Coastline Conservation Awareness Campaign 2008 in Peninsular Malaysia



Penglibatan pelbagai lapisan masyarakat seperti penduduk tempatan, badan-badan kerajaan, pihak swasta dan warga sekolah memberi kesan positif dari segi kesedaran awam terhadap kepentingan hutan pesisiran pantai negara. Penyertaan orang ramai termasuk pelajar-pelajar sekolah dapat meningkatkan "semangat milik bersama" terhadap kesejahteraan alam sekeliling kita.

The public involvement of the various levels such as local communities, governmental organisation, and the private sector and school children has given a positive impact from the aspect of general awareness towards the importance of forest along the national coastline. The public participation including school children has enhanced the "feeling of common ownership" for the harmony of our environment.

Penekanan aspek kesedaran awam terhadap kepentingan hutan pesisiran pantai perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Justeru itu, adalah menjadi harapan kempen ini akan diteruskan dan dilaksanakan secara bersepadu pada masa hadapan. Ini selaras dengan seruan kerajaan yang menyarankan agar semua pihak termasuk masyarakat tempatan dan komuniti setempat bekerjasama dalam menjayakan pelaksanaan Program Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara dan seterusnya memastikan hutan pesisiran pantai negara terus dipulihara dan terpelihara.

The emphasis on general awareness on the importance of coastline forests needs to be enhanced from time to time. Thus, it is aspired that the campaign be continued and implemented in an integrated approach in the future. This is in line with the government's call for everyone including the local community to work together to successfully implement the Planting Programme with Mangroves and other Suitable Tree Species along the National Coastline and to ensure the forest along the national coastline continued to be conserved and rehabilitated.

Disediakan oleh:

**Sekretariat Bakau
Ibu Pejabat Perhutanan**

Prepared by:

**Mangroves Secretariat
Forestry Department Headquarters**



ARTIKEL 2 ARTICLE 2

**SEMINAR PERLADANGAN HUTAN GETAH
KEBANGSAAN 2008: SUMBER PENTING
BEKALAN KAYU-KAYAN MASA HADAPAN
PADA 13 DAN 14 NOVEMBER 2008 DI HOTEL
BEST WESTERN PREMIER SERI PACIFIC,
KUALA LUMPUR**

**NATIONAL RUBBER FOREST PLANTATION
SEMINAR 2008: IMPORTANT TIMBER
SOURCE OF THE FUTURE ON 13 AND
14 NOVEMBER, 2008 AT HOTEL BEST
WESTERN PREMIER SERI PACIFIC,
KUALA LUMPUR**



◀ Ucapan Aluan oleh Y. Bhg Dato' Seri Azahar bin Muda, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
Opening speech by the Y. Bhg. Dato' Seri Azahar bin Muda, Director General of the Forestry Department Peninsular Malaysia



▲ Para jemputan dan peserta seminar
Dignitaries and seminar participants



▲ YB. Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar memalu gong bagi perasmian seminar
The Honourable Minister of Natural Resources and Environment beating the gong to officiate the seminar

Seminar Perladangan Hutan Getah Kebangsaan 2008 ini dianjurkan bersama oleh Unit Ladang Hutan, Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia dengan kerjasama Lembaga Getah Malaysia (LGM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Objektif seminar ini ialah untuk mengetahui perkembangan penyelidikan dan aplikasi terhadap perladangan hutan getah; menyediakan platform kepada jabatan, agensi kerajaan dan agensi swasta untuk berkongsi maklumat mengenai status pelaksanaan dan pencapaian perladangan hutan getah; meningkatkan kesedaran terhadap peranan yang dimainkan oleh perladangan hutan getah dan sebagai panduan penyediaan pelan strategi dan tindakan yang lebih berkesan terhadap perladangan hutan getah. Seminar Perladangan Hutan Getah Kebangsaan 2008 ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas.

Projek Ladang Hutan Getah *Timber Latex Clone* (TLC) adalah merupakan salah satu strategi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) untuk menghasilkan bahan mentah tambahan kayu-kayan bagi menampung

This National Seminar on Rubber Forest Plantation was jointly organised by the Forest Plantation Unit, Forestry Department Headquarters, Peninsular Malaysia, the Malaysian Rubber Board (MRB) and the Forest Research Institute of Malaysia (FRIM). The seminar objectives were to make known the progress of rubber forest plantation research and developments and their applications; to provide a platform for the Department and other Government and private agencies to share information on the status of implementation and achievement in rubber forest plantation establishment; to enhance awareness on the roles of rubber forest plantation, and to provide guidance for the preparation of an effective strategic and action plans on the establishment of rubber forest plantation. This National Seminar on Rubber Forest Plantation 2008 was officiated by the Hon. Minister of Natural Resources and Environment, Datuk Douglas Uggah Embas.

The Timber Latex Clone (TLC) Rubber Forest Plantation Project is one of the Forestry Department Peninsular Malaysia's (FDPM) strategies to produce additional raw timber materials to meet the escalating demand of the



▲
Penyampaian cenderamata kepada Y.B Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar oleh Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
Presentation of souvenir to the Honourable Minister of Natural Resources and Environment by the Director General of the Forestry Department Peninsular Malaysia



▲
Sesi Pertama Seminar dipengerusikan oleh Dr. Abd. Rahman bin Abd. Rahim, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan Dan Pembangunan Hutan), JPSM
First session of Seminar chaired by Dr. Abd. Rahman bin Abd. Rahim, the Deputy Director General (Forest Planning and Development), FDPM

permintaan yang terus meningkat daripada industri pemprosesan berasaskan kayu-kayan, terutama sekali industri pembuatan perabot kayu-kayan getah. Disamping itu, pelaksanaan projek ini dapat mengurangkan tekanan pengeluaran kayu-kayan daripada kawasan Hutan Asli. Projek ladang hutan getah ini telah dimulakan semenjak tahun 1990. Sehingga kini, seluas 1,831 hektar ladang hutan getah ditubuhkan sebagai projek tanaman perintis kayu getah daripada jenis *Hevea brasiliensis*. Umumnya, JPSM telah mempelopori tanaman ladang hutan getah TLC bagi tujuan pengeluaran kayu-kayan dan lateks.

Semenjak itu, tanaman pokok getah secara perladangan hutan yang ditubuhkan ini telah membuka minat pengusaha-pengusaha untuk melabur dalam penubuhan ladang hutan getah secara komersil. Kerjasama antara JPSM-LGM perlu terus dipertingkatkan untuk memastikan projek ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Maklumat-maklumat tumbesaran dari kawasan projek perintis ini terus dipantau dan menjadi bahan rujukan untuk membantu pengusaha-pengusaha menceburi pelaburan dalam ladang hutan getah TLC. Penganjuran seminar seumpama ini adalah untuk memperkasakan usaha menyebarkan maklumat-maklumat tersebut di samping sebagai satu wadah berkongsi pengalaman mengenai ladang hutan getah dengan agensi-agensi lain.

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah memulakan pembentangan kertas kerja bertajuk "*Timber Latex Clone (TLC) Pilot Project: Forestry Department Peninsular Malaysia Experiences*". Kesemuanya seramai 15 pembentang yang terdiri daripada agensi Kerajaan, institusi pengajian tinggi dan penyelidikan serta syarikat perladangan swasta telah membentangkan kertas kerja mereka yang merangkumi aspek perancangan, pembangunan,

wood-based processing industries, especially that of the rubber wood furniture industry. In addition, the implementation of this project would lessen pressure on timber harvesting from the natural forest areas. This Rubber Forest Plantation Project, which started in 1990, has to date established a total of 1,831 hectares of pilot rubber forest plantation planted with Hevea brasiliensis. In general, FDPM has pioneered the establishment of TLC rubber forest plantation for the production of both timber and latex.

Cultivation of rubber trees as forest plantation has since gained interests from many entrepreneurs wanting to invest in the establishment of commercial rubber forest plantation. In this regard, the collaboration between FDPM-MRB must be sustained and further enhanced to ensure maximum benefits from the Project. Tree growth information obtained from the pilot project areas must be continuously monitored so that they could serve as reference material to assist potential investors who are interested to invest in the establishment of TLC rubber forest plantations. As such, organising seminar such as this would greatly enhanced the efforts in the extensive dissemination of desired information besides serving as a conduit to share experiences gained with other agencies on rubber forest plantations.

Forestry Department Peninsular Malaysia started the paper presentation session with a paper entitled "Timber Latex Clone (TLC) Pilot Project: Forestry Department Peninsular Malaysia's Experiences". In total, 15 paper presenters, representing government agencies, institutions of higher learning and research organisations, as well as private plantation companies have presented papers covering aspects of planning, development, technical and research, and

teknikal dan penyelidikan serta produk dan pemasaran. Berdasarkan pembentangan kertas kerja dan perbincangan yang diadakan, sejumlah 10 resolusi telah diterima untuk memperkasakan pembangunan ladang hutan.

Resolusi Seminar

- Industri berasaskan kayu getah masih lagi relevan dan mempunyai masa depan yang amat cerah sebagai penyumbang penting kepada ekonomi negara. Dalam hubungan ini, usaha-usaha yang dilakukan oleh JPSM, LGM dan FRIM menjadi pelengkap kepada pelaksanaan Program Penubuhan Ladang Hutan Getah secara komersil yang kini diterajui oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) bagi menampung keperluan sumber bekalan kayu melalui perladangan hutan getah dan sebagai alternatif kepada bekalan daripada hutan asli yang kini di bawah portfolio Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE).
- Projek Penubuhan Ladang Hutan Getah berskala besar (komersil) perlu digalakkan sebagai sumber penting bekalan kayu-kayan masa hadapan yang mana akan mengurangkan tekanan pengantungan kepada bekalan kayu-kayan dari kawasan hutan asli.
- Penubuhan Ladang Hutan Getah “*Timber Latex Clone*” (TLC) bagi tujuan pengeluaran kayu kayan sebagai produk utama dan lateks sebagai produk sampingan amat sesuai diberi galakkan.
- Penghasilan stok tanaman yang bermutu tinggi dan terkawal sumbernya perlu dititikberatkan melalui tapak-tapak semaian yang diurus dan dikawal selia dengan baik serta menepati piawaian penghasilan stok tanaman yang bermutu tinggi.
- Kajian saintifik secara berterusan umpamanya bagi tujuan mencari spesies dan klon getah TLC yang sesuai dan berdaya maju, perumusan rejim pengurusan dan silvikultur, agronomi yang sesuai, aspek kos pelaburan atau penubuhan dan penghasilan kualiti kayu-kayan yang berpatutan serta produk-produk berasaskan kayu getah yang bermutu perlulah digalakkan.

product and marketing. Based on the papers presented and the ensuing discussions, a total of 10 resolutions were adopted in this seminar to enhance the development of rubber forest plantation.

Seminar Resolutions

- *Rubber wood-based industry is still relevant and has bright future as an important contributor to the nation's economy. In this regard, efforts by FDPM, LGM and FRIM will complement the implementation of Commercial Rubber Wood Plantation Programme by the Ministry of Plantation Industries and Commodities (KPPK) to provide adequate wood supply to meet the wood demand via rubber forest plantation and as an alternative to the wood supply sourced from the natural forest that comes under the purview of the Ministry of Natural Resources and Environment (NRE).*
- *The large scale Commercial Rubber Forest Plantation Project should be encouraged to provide important timber resource for the future so as to alleviate pressures of timber supply dependence from the natural forests.*
- *The establishment of “Timber Latex Clone” (TLC) rubber forest plantation with timber as the primary product and latex as the secondary product are feasible and should be encouraged.*
- *Production of high quality and known origin planting stocks must be due priority through the establishment of well-managed and well-supervised nurseries that conform with the standard of high quality stock production.*
- *Continuous scientific research to identify suitable species and other rubber TLC that have great potentials, formulation of appropriate management and silviculture regimes, suitable agronomic practices, cost of investment and establishment as well as the production of quality timber and rubberwood based timber products should be encouraged.*

- Konsep Penubuhan Ladang Hutan Getah (*Rubber Forest Plantation*) hendaklah difahami dengan sebenar-benarnya bagi mana-mana pihak yang berhasrat untuk melabur dalam skala besar.
- Penubuhan ladang hutan getah berskala besar (komersil) perlu menitikberatkan keperluan dan kepentingan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan kepelbagaian biologi hutan.
- Penggunaan teknologi moden, seperti *Remote Sensing* (RS), *Air-Borne Imager* dan sebagainya, bolehlah digalakan bagi memantapkan aktiviti perancangan, pengurusan dan pemantauan Projek Ladang Hutan Getah berskala besar (komersil).
- Pengusaha-pengusaha yang melibatkan diri secara aktif dalam Projek Ladang Hutan Getah berskala besar (komersil) boleh memanfaatkan pelbagai insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutuan sepertimana yang diuruskan oleh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB).
- Projek Ladang Hutan Getah berskala besar (komersil) adalah didapati berdaya maju dan mempunyai masa depan yang amat cerah. Bagaimanapun keberkesanan penubuhan Ladang Getah Hutan ini, dipengaruhi oleh pelbagai cabaran, di antaranya kesediaan pengusaha-pengusaha menangani isu-isu tanah, modal dan kedapatan teknologi yang sesuai.
- *Rubber Forest Plantation establishment concept must be fully understood by investors who wish to invest in large scale rubber forest plantation.*
- *Large scale commercial rubber forest plantation should accord due emphasis and importance on the conservation of forest biological diversity.*
- *Application of modern technology such as the use of Remote Sensing (RS), Air-borne Imager and others, should be encouraged to enhance planning, management and monitoring of large scale commercial rubber forest plantations.*
- *Investors involved in large scale commercial rubber forest plantations should take benefit from the many incentives offered by the Federal Government currently managed by the Malaysian Timber Industry Board (MTIB).*
- *Large scale commercial Rubber Forest Plantation project is deemed to be a feasible proposition and have great potentials in the future. Nevertheless, the effectiveness of rubber forest plantation implementation is faced with many challenges, amongst others, the ability of the investors to resolve land issues, capital investment, and the availability of suitable and appropriate technologies.*

Disediakan oleh:

**Unit Ladang Hutan
Ibu Pejabat Perhutanan**

Prepared by:

***Forest Plantation Unit
Forestry Department Headquarters***



ARTIKEL 3 ARTICLE 3

PENEMUAN-PENEMUAN SIGNIFIKAN EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN

Kedudukan Malaysia di kawasan tropika lembab telah menjadikan landskap negara ini berwarna-warni dengan pelbagai jenis flora dan fauna. Landskap ini yang juga dikenali umum sebagai Hutan Hujan Tropika yang berevolusi sejak berjuta-juta tahun dahulu merupakan sebuah gedung-mega simpanan kepelbagaian biologi flora dan fauna dari sekecil-kecil organisma mikroskopik dan bakteria hinggalah kepada spesies-spesies besar seperti mamalia, ikan dan burung. Rekod menunjukkan bahawa gedung-mega ini menjadi tempat perlindungan kepada lebih kurang 17,631 spesies tumbuhan yang merangkumi 377 Alga, 1,387 Briofit, 1,600 Paku-pakis dan sekutunya, 61 Gimnosperm, 4,180 Monokot dan 10,026 Dikot serta juga 9,563 spesies fauna yang meliputi 480 Mamalia, 742 Burung, 242 Amfibia, 567 Reptilia, 590 Ikan air tawar, 1,967 Kupu-kupu dan 1,073 Kumbang daun. Kepelbagaian dan kekayaan biologi ini telah menarik perhatian masyarakat dunia dan Negara kita telah diiktiraf sebagai antara satu daripada 12 buah negara “mega-kepelbagaian biologi” di dunia.

Namun begitu, sebahagian besar daripada kepelbagaian biologi Negara yang masih tersorot di setiap pelusuk gedung-mega ini belum diketahui umum. Kepelbagaian biologi ini perlu terus diterokai, dikaji dan diselidik secara saintifik bagi membolehkan maklumatnya dikumpul dan didokumentasikan sebagai rujukan ilmiah atau teknikal oleh masyarakat umum. Kekurangan data berkaitan kepelbagaian biologi yang ada menghalang usaha-usaha untuk memelihara, membangun dan menggunakan sumber kepelbagaian biologi Negara dengan lebih baik. Pembukaan berterusan kawasan-kawasan semulajadi untuk pembangunan Negara meninggalkan kemusnahan habitat dan secara langsungnya menyebabkan kehilangan kepelbagaian biologi sebelum sebahagian besar daripadanya dapat didokumenkan.

Dalam usaha untuk mengumpul maklumat-maklumat kepelbagaian biologi daripada kawasan-kawasan semulajadi Negara kita, Jabatan Perhutanan Semenanjung

SIGNIFICANT FINDINGS OF FOREST BIODIVERSITY SCIENTIFIC EXPEDITIONS

Malaysia's location in the humid tropics had endowed this country's landscape with various types of flora and fauna. The landscape known as tropical rainforest, a biome that evolved millions of years ago acts as a mega-store for biological diversity ranging from the smaller microscopic organisms and bacteria to the larger organisms such as mammals, fishes and birds. Records showed that this mega-store is the habitat to approximately 17,631 species of flora including 377 Algae, 1,387 Briofit, 1,600 Ferns and its families, 61 Gymnosperms, 4,180 Monocotyledons and 10,026 Dicotyledons as well as 9,563 species of fauna that includes 480 mammals, 742 birds, 242 amphibians, 567 reptiles, 590 freshwater fishes, 1,967 butterflies and 1,073 leaves beetles. This richness and diversified biology have attracted the attention of the global community. As a result, Malaysia is recognized as one of 12 nations with “mega-biological diversity” in the world.

However, most of the country's forest biodiversity are undiscovered, scattered and unknown inside these mega-store. This biological diversity has to be explored, researched and analyzed so that the information collected are documented as scientific or technical references for the general public. Insufficient data related to these biological diversity has dampened continuing efforts to improve and develop the use of these biodiversity resources. Continuous opening of the natural forest for development purposes had led to the habitats being destroyed and causes loss of these forest biodiversity before the information can be documented.

In an effort to gather information of these biodiversity from our natural forest, the Forestry Department of Peninsular Malaysia (FDPM) had conducted a series of Forest Biodiversity

Malaysia (JPSM) telah menganjurkan siri-siri Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan ke kawasan-kawasan berhutan terutamanya kawasan hutan simpanan kekal. Penganjuran ekspedisi ini melibatkan pelbagai disiplin yang merentas sempadan (*cross sectoral*) seperti aspek fizikal ekosistem hutan, kepelbagaian biologi flora dan fauna, ekopelancongan, ekologi, rekreasi, geologi, arkeologi dan sosio-ekonomi. Ekspedisi-ekspedisi yang dianjurkan disertai oleh para saintis, pakar-pakar penyelidik dan pengkaji daripada pelbagai jabatan dan agensi Kerajaan, institusi penyelidikan, institusi pengajian tinggi awam, badan-badan bukan Kerajaan serta juga individu yang mempunyai minat khusus terhadap pengurusan, pemeliharaan dan pemuliharaan kepelbagaian biologi. Di samping pegawai dan kakitangan JPSM, agensi-agensi yang sering terlibat secara aktif dalam setiap ekspedisi adalah seperti Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, KUSTEM, Universiti Utara Malaysia, *World Wide Fund for Nature* (WWF), *Malaysian Nature Society* (MNS), SIRIM, FRIM, IMR, Taman Botani Putrajaya dan PERHILITAN.

Scientific Expeditions in the different forest ecosystems, especially the permanent reserved forest. These expeditions involved various disciplines, such as the physical aspects of the forest ecosystems, biodiversity of flora and fauna, matters related to eco-tourism, ecological, recreational, geological, archaeological and socio-economic. These expeditions received co-operation and actively participated by scientists, experts and researchers from the various government departments and agencies, research institutions, public institutions of higher learning, non-governmental organisations and individuals involved in managing, maintaining and preserving the forest biodiversity. In addition to the officers and staffs from FDPM, other agencies include Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaya, KUSTEM, Universiti Utara Malaysia, World Wide Fund for Nature (WWF), Malaysian Nature Society (MNS), SIRIM, FRIM, IMR, Putrajaya Botanical Garden and PERHILITAN.

Sehingga kini, sebanyak 19 siri ekspedisi telah dianjurkan di seluruh pelusuk Negara meliputi pelbagai ekosistem hutan daripada hutan paya laut (bakau), hutan paya gambut, hutan tanah pamah hinggalah ke hutan pergunungan. Melalui ekspedisi-ekspedisi yang dilaksanakan, pelbagai penemuan yang signifikan termasuk spesies baru flora dan fauna telah direkodkan. Antara penemuan signifikan tersebut ditunjukkan dalam jadual di bawah:

To-date, a total of 19 series of expeditions have been conducted throughout Peninsular Malaysia covering various forest ecosystems from mangroves, peat swamp forests, lowland forests to montane forests. From these expeditions, numerous findings which included new species of flora and fauna had been recorded. Among the significant findings were as shown in the table.

Lokasi Ekspedisi <i>Expedition Location</i>	Penemuan Signifikan / <i>Significant Findings</i>
HS Wang Kelian dan HS Wang Mu, Taman Negeri Perlis, Perlis <i>Wang Kelian Forest Reserve and Wang Mu Forest Reserve, Perlis</i>	• spesies baru bagi halia (<i>Zingiber mythanum</i>) dan paku pakis (<i>Tectaria shahidaniana</i>) • penemuan semula spesies beruk kentoi (<i>Macaca arctoides</i>) yang dikatakan hanya boleh ditemui di Thailand • penemuan semula spesies <i>Licuala peltata</i> dan <i>Livistona cf. Jenkinsii</i> dari keluarga palma • new species of ginger (<i>Zingiber mythanum</i>) and ferns (<i>Tectaria shahidaniana</i>) • rediscovery of beruk kentoi species (<i>Macaca arctoides</i>) claimed to be only found in Thailand • rediscovery of the species <i>Licuala peltata</i> and <i>Livistona cf. Jenkinsii</i> from the palma families
Hutan Simpan Ulu Muda dan Hutan Simpan Gunung Jerai, Kedah. <i>Ulu Muda Forest Reserve and Gunung Jerai Forest Reserve, Kedah.</i>	• spesies baru katak (<i>Theloderma lacin</i>) dan (<i>Rana montjerai</i>) • spesies kutu (ticks) (<i>Dermacentor auratus</i>) dan (<i>Ixodes granulatus</i>) mempunyai nilai perubatan dan kesihatan • tiga (3) spesies riang-riang di bawah genera <i>Platypleur</i>, <i>Abroma</i> dan <i>Puranoides</i> merupakan spesies baru bagi sains (tetapi belum dinamakan) • spesies anggerik selipar (<i>Paphiopedilum callosum</i>) yang cantik dan spesies endemik yang langka daripada famili <i>Annonaceae</i> (<i>Goniothalamus subenervius</i>) • new species of frogs (<i>Theloderma lacin</i> and <i>Rana montjerai</i>) • ticks species (<i>Dermacentor auratus</i> and <i>Ixodes granulatus</i>) which have health and medicinal values • three (3) species of cicada under genera <i>Platypleur</i>, <i>Abroma</i> and <i>Puranoides</i> which are new species in science (unnamed) • species of orchid selipar (<i>Paphiopedilum callosum</i>) which is beautiful and an endemic species from the family of <i>Annonaceae</i> (<i>Goniothalamus subenervius</i>)

▼ Spesies baru kelawar (*Otomops spp.*)
New species of bat (*Otomops spp.*)

▼ Spesies ikan terkecil di dunia (*Paedocypris spp.*)
The smallest fish species in the world (*Paedocypris spp.*)

▼ Penemuan Semula beruk kentoi (*Macaca arctoides*)
Rediscovery of "beruk kentoi" (*Macaca arctoides*)

▼ Spesies baru katak (*Rana montjerai*)
New species of frog (*Rana montjerai*)



Hutan Paya Laut Matang, Perak <i>Larut Matang Mangrove Forest, Perak</i>	• populasi spesies kelip-kelip (<i>Pteroptyx tener</i>) spesies sama yang wujud di Kuala Selangor boleh menjadi tarikan eko pelancongan • firefly population (<i>Pteroptyx tener</i>), the same species that exist in Kuala Selangor which can be an eco-tourism attraction
Hutan Simpan Bukit Belata dan Gunung Nuang, Selangor <i>Bukit Belata Forest Reserve and Gunung Nuang, Selangor</i>	• flora lumut (<i>Diphyiscium longifolium</i>) dan paku-pakis (<i>Cyathea tripinnata</i>) merupakan rekod baru yang ditemui • tiga (3) spesies ektoparasit <i>Dermacentor auratus</i>, <i>Laelaps nuttalli</i> dan <i>Leptotrombidium deliense</i> diketahui mempunyai kepentingan kesihatan kerana boleh menjadi vektor penyakit • mosses (<i>Diphyiscium longifolium</i>) and ferns (<i>Cyathea tripinnata</i>) which were new records • three (3) species of ectoparasite <i>Dermacentor auratus</i>, <i>Laelaps nuttalli</i> and <i>Leptotrombidium deliense</i> which are known for their medicinal values because it can be a disease vector
Taman Rimba Kenong, Pahang <i>Kenong Forest Park, Pahang</i>	• gua-gua batu kapur yang menarik yang terbentuk pada zaman Permain hingga awal zaman Triassic • spesies penyengat dari genus <i>Epelaspis</i> dan <i>Laguna</i> merupakan rekod baru bagi Malaysia • enam (6) spesies baru riang-riang daripada genus <i>Platypleura</i>, <i>Purana</i>, <i>Tanna</i>, <i>Muda</i> dan <i>Nelcyndana</i> merupakan penemuan baru sains (belum dinamakan) • attractive limestone caves formed during the Permain period until early Triassic period • species of wasps from the genus <i>Epelaspis</i> and <i>Laguna</i> which are new records in Malaysia. • six (6) new species of cicada from genus <i>Platypleura</i>, <i>Purana</i>, <i>Tanna</i>, <i>Muda</i> and <i>Nelcyndana</i> which are new discovery for science (unnamed)
Taman Negeri Gunung Stong, Kelantan <i>Gunung Stong State Park, Kelantan</i>	• penemuan spesies baru halia (<i>Zingiber kelantanense</i>) • spesies palas yang endemik di Gunung Stong (<i>Licuala stongensis</i>) • penemuan spesies buluh berbulu yang jarang dijumpai (<i>Holtumochloa pubescens</i>) • Lima (5) spesies riang-riang di bawah genera <i>Pomponia</i>, <i>Muda</i>, <i>Tanna</i>, <i>Mogannia</i> dan <i>Platypleura</i> merupakan spesies baru bagi sains (belum dinamakan) • penemuan spesies penyengat dari genus <i>Aneucelis</i> yang merupakan pertama kali dijumpai di Malaysia. Genus ini hanya pernah direkodkan dijumpai di Luzon, Filipina. • kehadiran populasi bunga pakma (<i>Rafflesia kerrii</i>) yang boleh dijumpai di kawasan Gunung Chamah, Gunung Ulu Sepat dan Lojing menjadi tarikan estetik kepada ekopelancongan • new species of ginger (<i>Zingiber kelantanense</i>) • palas species which is endemic to Gunung Stong (<i>Licuala stongensis</i>) • discovery of hairy bamboo species which are rare (<i>Holtumochloa pubescens</i>) • five (5) cicada species under the genera <i>Pomponia</i>, <i>Muda</i>, <i>Tanna</i>, <i>Mogannia</i> and <i>Platypleura</i> which are new discovery for science (unnamed) • discovery of wasps species from genus <i>Aneucelis</i>, first time being discovered in Malaysia. This genus was only recorded in Luzon, Philippines • existence of rafflesia population (<i>Rafflesia kerrii</i>), found in Gunung Chamah, Gunung Ulu Sepat and Lojing areas as an esthetic attraction for eco-tourism
Gunung Mandi Angin dan Bukit Bauk, Terengganu <i>Gunung Mandi Angin and Bukit Bauk, Terengganu</i>	• spesies penyegat dari genus <i>Polyaulon</i> merupakan rekod baru bagi Malaysia. Genus ini diketahui datang daripada wilayah Eropah-Artik. • empat (4) spesies riang-riang merupakan penemuan baru sains dari genus <i>Platypleura</i>, <i>Nelcyndana</i> dan <i>Lemuriana</i> (belum dinamakan) • Spesies orkid (<i>Hebenaria paradiseoides</i>) merupakan satu rekod baru bagi negara kita • populasi bunga pakma (<i>Rafflesia cantleyi</i>) boleh dijumpai sepanjang trek hutan dari Pasir Raja ke Kg. Mat Daling berhampiran Kuala Tahan, Pahang merupakan tarikan eko pelancongan yang boleh diketengahkan • penemuan spesies ikan terkecil di dunia dari genus <i>Paedocypris</i> • wasps species from <i>Polyaulon</i> genus which are new records in Malaysia. This genus was known to originate from the European-Artic region • four (4) cicada species which are new discovery in science from the <i>Platypleura</i>, <i>Nelcyndana</i> and <i>Lemuriana</i> genus (unnamed) • orchid species (<i>Hebenaria paradiseoides</i>), first time recorded in Malaysia • rafflesia population (<i>Rafflesia cantleyi</i>) found along the forest tracks from Pasir Raja to Kg. Mat Daling near Kuala Tahan, Pahang which can be an eco-tourism attraction • discovery of the smallest fish species in the world from <i>Paedocypris</i> genus
Hutan Pengunungan Cameron Highlands, Pahang <i>Cameron Highlands Montane Forest, Pahang</i>	• spesies baru kelawar dari genus <i>Otomops</i> • tiga (3) spesies baru katak pokok daripada genus <i>Philantus</i> • spesies burung yang hanya boleh didapati di kawasan tanah rendah juga telah dijumpai • new species of bats from the <i>Otomops</i> genus • three (3) new species of tree frogs from the <i>Philantus</i> genus • species of birds, found only in the lowland forest are discovered here
Hutan Simpan Gunung Angsi, Negeri Sembilan <i>Gunung Angsi Forest Reserve, Negeri Sembilan</i>	• spesies pepatung (<i>Coelliccia kimurai</i>) merupakan rekod baru bagi Malaysia • spesies cicak (<i>Cyrtodactylus semenanjungensis</i>) dan spesies kelawar (<i>Rhinolophus chiewkweaea</i>) merupakan dua (2) spesies baru diuraikan dalam sains • new species of dragonfly (<i>Coelliccia kimurai</i>), first time recorded in Malaysia • lizard species (<i>Cyrtodactylus semenanjungensis</i>) and bat species (<i>Rhinolophus chiewkweaea</i>), which are two (2) new species described in science
Ayer Keroh, Melaka <i>Ayer Keroh, Malacca</i>	• spesies pokok ornamental (<i>Begonia harveyana</i>), merupakan spesies yang terancam. Dipercayai bahawa hanya terdapat lima (5) hingga sepuluh (10) individu sahaja dipermukaan bumi ini. • ornamental plant species (<i>Begonia harveyana</i>), which is an endangered species. It is believed only five (5) to ten (10) individuals of this species existed
Taman Negeri Endau-Rompin, Pahang <i>Endau-Rompin State Park, Pahang</i>	• mempunyai keaifan dengan kawasan barat negeri Sarawak yang mempunyai bukti daripada segi flora dan geologi • dua (2) spesies penyengat daripada genus <i>Xanthopimpla</i> dan tiga (3) spesies riang-riang dari genus <i>Abroma</i>, <i>Platypleura</i> dan <i>Puranoides</i>. • spesies baru halia (<i>Zingiber malayanum</i>) • dua (2) rekod baru tumbuhan lumut bagi Semenanjung Malaysia (<i>Mitthyridium retusum</i>) dan (<i>Syrrhopodon parasiticus</i>) serta rekod baru bagi negeri Pahang (<i>Thuidium glaucinoides</i>) • kumpulan tumbuhan pokok sal (<i>Johanteijsmannia altifrons</i>) yang boleh dijadikan tarikan eko pelancongan • has connection with West Sarawak which appears to have similarity in terms of flora and geology. • two (2) species of wasps from the <i>Xanthopimpla</i> genus and three (3) species of cicada from the <i>Abroma</i>, <i>Platypleura</i> and <i>Puranoides</i> genus • new species of ginger (<i>Zingiber malayanum</i>) • two (2) new record for mosses in Peninsular Malaysia (<i>Mitthyridium retusum</i>) and (<i>Syrrhopodon parasiticus</i>), new records for Pahang (<i>Thuidium glaucinoides</i>) • groups of sal trees (<i>Johanteijsmannia altifrons</i>) which can be an eco-tourism attraction
Taman Negeri Royal Belum, Perak <i>Royal Belum State Park, Perak</i>	• habitat bagi spesies bunga pakma (<i>Rafflesia cantleyi</i>, <i>Rafflesia hassaltii</i>, <i>Rafflesia kerrii</i> dan <i>Rafflesia azlanii</i>) • spesies Bogak (<i>Cycas clivicola</i>) daripada famili Cycadaceae yang merupakan tumbuhan batu kapur yang dijumpai paling ke selatan daripada taburan populasinya di Thailand dan Semenanjung Malaysia • spesies palma <i>Areca tunku</i> juga dijumpai di kawasan ini • rekod baru bagi spesies orkid <i>Cleisostoma complicatum</i> yang sebelum ini hanya dilaporkan ditemui di Thailand • spesies tumbuhan ornamental iaitu <i>Begonia ridleyi</i> juga ditemui • habitat for rafflesia species; <i>Rafflesia cantleyi</i>, <i>Rafflesia hassaltii</i>, <i>Rafflesia kerrii</i> and <i>Rafflesia azlanii</i>) • Bogak species (<i>Cycas clivicola</i>) from the famili Cycadaceae which is a limestone plant where its population are discovered in the southern areas of Thailand and Peninsular Malaysia - Palma species <i>Areca tunku</i> are also discovered in this area - new records for orchid species <i>Cleisostoma complicatum</i> which before this can only be found in Thailand - ornamental plant species <i>Begonia ridleyi</i> are also discovered

Sebahagian daripada hasil penemuan signifikan daripada ekspedisi-ekspedisi saintifik ini telah dibukukan dalam siri-siri prosiding yang diterbitkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Sehingga kini, sebanyak 9 siri prosiding telah dikeluarkan iaitu:

- i. Siri 1 Kepekabagaan Biologi Hutan: Taman Negeri Endau - Rompin, Pahang Pengurusan, Persekitaran Fizikal dan Biologi
- ii. Siri 2 Kepekabagaan Biologi Hutan: Gunung Nuang, Selangor Persekitaran Fizikal dan Kepekabagaan Biologi
- iii. Siri 3 Kepekabagaan Biologi Hutan: Hutan Simpan Ulu Muda, Kedah Pengurusan, Persekitaran Fizikal dan Biologi
- iv. Siri 4 Kepekabagaan Biologi Hutan: Sustainable Management of Matang Mangroves: 100 Years and Beyond
- v. Siri 5 Kepekabagaan Biologi Hutan: Taman Negeri Gunung Stong, Kelantan Persekitaran Fizikal, Biologi dan Sosioekonomi
- vi. Siri 6 Kepekabagaan Biologi Hutan: Hutan Simpan Gunung Jerai, Kedah Pengurusan, Persekitaran Fizikal dan Kepekabagaan Biologi
- vii. Siri 7 Kepekabagaan Biologi Hutan: Hutan Simpan Mandi Angin, Terengganu Pengurusan, Persekitaran Fizikal dan Kepekabagaan Biologi
- viii. Siri 8 Kepekabagaan Biologi Hutan: Taman Rimba Kenong, Pahang. Pengurusan, Persekitaran Fizikal dan Kepekabagaan Biologi
- ix. Siri 9 Kepekabagaan Biologi Hutan: Bukit Belata, Selangor. Pengurusan, Persekitaran Fizikal, Kepekabagaan Biologi dan Sosioekonomi.

Ekspedisi-ekspedisi yang dianjurkan ini secara langsung membantu usaha-usaha mengumpul sebahagian daripada maklumat-maklumat dan data berkaitan kepekabagaan biologi yang terdapat dalam gedung-mega hutan hujan tropika negara kita selaras dengan Dasar Kepekabagaan Biologi Negara yang digarapkan oleh pihak Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Seiringan dengan ini, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia adalah komited untuk meneruskan penganjuran ekspedisi-ekspedisi saintifik ini merangkumi lebih banyak ekosistem dan habitat semulajadi.

Disediakan oleh:

Mohd Rahim bin Rani
Timbalan Pengarah (Hutan Bukan Kayu)
Unit Silvikultur dan Perlindungan Hutan
Ibu Pejabat Perhutanan

Significant findings from these scientific expeditions were documented in the proceedings published by the Forestry Department of Peninsular Malaysia. To-date, nine series of the proceedings were published :

- i. *1st Series - Forest Biological Diversity : Endau-Rompin State Park, Pahang Management, Physical Environment and Biological Diversity;*
- ii. *2nd Series - Forest Biological Diversity : Gunung Nuang. Physical Environment and Biological Diversity;*
- iii. *3rd Series - Forest Biological Diversity : Ulu Muda Forest Reserve, Kedah. Management, Physical Environment and Biological Diversity;*
- iv. *4th Series - Forest Biological Diversity : Sustainable Management of Matang Mangroves: 100 Years and Beyond;*
- v. *5th Series - Forest Biological Diversity : Gunung Stong State Park, Kelantan. Physical Environment, Biological Diversity and Socio-economic;*
- vi. *6th Series - Forest Biological Diversity: Gunung Jerai Forest Reserve, Kedah. Management, Physical Environment and Biological Diversity;*
- vii. *7th Series - Forest Biological Diversity : Mandi Angin Forest Reserve, Terengganu. Management, Physical Environment and Biological Diversity;*
- viii. *8th Series - Forest Biological Diversity : Taman Rimba Kenong, Pahang Management, Physical Environment and Biological Diversity; and*
- ix. *9th Series - Forest Biological Diversity : Bukit Belata, Selangor. Management, Physical Environment, Biological Diversity and Socio-economic.*

Indirectly, these organised expeditions assisted in gathering part of the information and data related to forest biodiversity that are found in our rainforest mega-store which is in accordance with the National Biological Diversity Policy undertaken by the Ministry of Natural Resources and Environment. The Forestry Department of Peninsular Malaysia is also committed to continue conducting these scientific expeditions in more forest ecosystems and natural habitats.

Prepared by:

Mohd Rahim bin Rani
Deputy Director (Non - Wood Forest Produce)
Silviculture and Forest Protection Unit
Forestry Department Headquarters



Spesies baru halia (*Zingiber kelantanense*)
 New species of ginger (*Zingiber kelantanense*)



Spesies ubatan, Akar pontianak (*Quisqualis indica L*)
 New medicinal species, (*Quisqualis indica L*)



Spesies ubatan, Keladi murai (*Tacca integrifolia*)
 Medicinal species, Keladi murai (*Tacca integrifolia*)



ARTIKEL 4 ARTICLE 4

LAWATAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR KE TAMAN NEGERI ROYAL BELUM, PERAK PADA 16 DAN 17 NOVEMBER 2008



Ketibaan Y. Bhg. Datuk Suboh bin Mohd Yassin dan Y. Bhg. Dato' Seri Azahar bin Muda di Jeti Hutan Lipur Pulau Tali Kail
Arrival of Y. Bhg. Datuk Suboh bin Mohd Yassin and Y. Bhg. Dato' Seri Azahar bin Muda at Tali Kail Island Recreational Forest Jetty

Pada 16 dan 17 November 2008 yang lalu, satu lawatan kerja telah diadakan di Taman Negeri Royal Belum dan Hutan Lipur Pulau Tali Kail oleh Yang Berbahagia Datuk Suboh bin Mohd Yassin, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Lawatan ini telah diiringi oleh Yang Berbahagia Dato' Seri Azahar bin Muda, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Dr. Hj. Abdul Rahman bin Abdul Rahim, Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dan Pembangunan Hutan Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia, En. Masran bin Md. Salleh, Pengarah Perhutanan Negeri Perak, Tuan Hj. Nik Mohd Shah bin Nik Mustaffa, Pengarah Unit Pengurusan Hutan Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia, dua (2) orang pegawai dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Pengurus Besar dan Pegawai Perbadanan Taman Negeri Perak serta beberapa orang pegawai kanan dan kakitangan Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

VISIT BY CHIEF SECRETARY, MINISTRY OF THE NATURAL RESOURCES AND ENVIRONMENT VISIT TO ROYAL BELUM STATE PARK, PERAK ON 16 AND 17 NOVEMBER 2008



Perjalanan ke kawasan air terjun tiga tingkat
Journey to three tiers Waterfall

On 16 and 17 November 2008, the Chief Secretary of the Ministry of Natural Resources and Environment, Y. Bhg. Datuk Suboh bin Mohd Yassin has made a working visit to Royal Belum State Park and Pulau Tali Kail Forest Resort. Accompanying this visit were Y. Bhg. Dato' Seri Azahar bin Muda, Director-General of Forestry, Peninsular Malaysia, Dr. Hj. Abdul Rahman bin Abdul Rahim, Deputy Director-General of Forestry (Forest Planning and Development), Mr. Masran bin Md Salleh, Perak State Director of Forestry, Hj. Nik Mohd. Shah bin Nik Mustaffa, Director of Forest Management, Forestry Department HQ, Peninsular Malaysia, two senior officials from the Ministry of Natural Resources and Environment, General Manager and officers from the Perak State Park Corporation and several senior officials from Forestry Department HQ, Peninsular Malaysia and State Forestry Department, Perak.



